



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# LAPORAN TAHUNAN 2016

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# EDITORIAL

## JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed  
Naib Canselor

Prof. Dr. Mohd Hassan bin Mohd Osman  
Timbalan Naib Canselor Akademik dan  
Antarabangsa

Prof. Dato' Abdul Aziz bin Ab Latif  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Mej. (K) Pauzi bin Pak Chu  
Pendaftar

Mohd. Yusri bin Awang  
Bendahari

Azman bin Hashim  
Ketua Pustakawan

Nor Azli bin Ahamed  
Penasihat Undang-Undang

Prof. Rosdi bin Ab. Rahman  
Penolong Naib Canselor

## EDITORIAL

Ketua Editor

Prof. Rosdi bin Ab. Rahman

Azman bin Hashim

Editor

Amirul Firdaus bin Zilah

Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh

Editor Bersekutu

Wan Azlee bin Hj. Wan Abdullah

Hairuladzhar bin Mohd Hamdi

Alifah binti Adnan

Adni binti Abu Hassan Sha'ari

Nor Edawani binti Shamsuddin

Emyzrah binti Othman

Lidyawati Husniza binti Mohd Zahari

Nur Hernani binti Shamsuddin

Ahmad Fadzil bin Abd. Rashid

Rahayu binti Abdullah

Noraini binti Idris

Mohd Norhafizan bin Muhammad

Noradilah binti Ismail

Wan Nuramira Atikah binti Ahmad

Faidzah binti Shah Rum

Mohd Shahrul Azrie bin Ruslan

Siti Norhidayah binti Mat Hussin.

Pereka

Fatinah Binti Ilias

Mohammad Kamarul Hisyam Abdul Rahman

Mohamad Faris Bin Fauzi

Juru Gambar

Mohd Al Azam bin Mat Razi

## RASIONAL KULIT BUKU LAPORAN TAHUNAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2016

Rumah "Teniat" yang terletak di UMK kampus Bachok dijadikan asas kepada konsep rekabentuk keseluruhan "Buku Laporan Tahunan Universiti Malaysia Kelantan 2016". Konsep ini melambangkan warisan sepanjang zaman yang menjadi tujahan pembentukan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Elemen tangga merupakan simbolik kepada kejayaan dan pencapaian yang telah diraih oleh UMK sedekad ini mencakupi keseluruhan aspek pembangunan bagi pembentukan sebuah universiti yang sentiasa relevan kepada masyarakat dan industri. Ia juga sinonim dengan laungan slogan "Soaring Upwards" yang digunakan untuk menggambarkan landskap pendidikan tinggi di Malaysia yang kian meningkat dan bertambah baik serta pada masa yang sama, mengakui bahawa usaha yang berterusan diperlukan untuk melonjakkan pendidikan tinggi negara ke tahap yang lebih ke depan.

### DITERBITKAN OLEH

PENERBIT UMK

Universiti Malaysia Kelantan,  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu,  
Karung Berkunci 36, Kampus Kota,  
Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu,  
KELANTAN DARUL NAIM

Tel : 09 -7717000 / 7181

Faks : 09-771 7022

Emel : penerbit@umk.edu.my

Laman Web : www.umk.edu.my

# KANDUNGAN

004-009

1

## MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

006	Logo & Falsafah
006	Objektif
007	Visi & Misi
007	Slogan
007	Teras Strategi Pembangunan
008	Canselor
009	Pro-Canselor

010-017

2

## LATAR BELAKANG UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

012	Lembaga Pengarah Universiti
014	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
016	Ahli Senat Universiti

018-021

3

## LAPORAN Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

022-025

4

## HIGHLIGHTS UNIVERSITI 2016 WOW FACTOR UMK 2016

026-031

5

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA RINGKASAN LAPORAN PENCAPAIAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

032-049

6

## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

034	Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan
035	Pendapatan Dan Perbelanjaan Universiti
037	Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang (Asas Tunai)
043	Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan Universiti
045	Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti
046	Aset, Tanggungan Dan Kumpulan Wang (Kumpulan)
047	Aset, Tanggungan Dan Kumpulan Wang (Universiti)
048	Ringkasan Kedudukan Kewangan UMK Bagi Tempoh 5 Tahun

050-099

7

## PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT

052	Laporan Ketua Audit Negara
057	Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
058	Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Universiti Malaysia Kelantan
059	Penyata Kedudukan Kewangan

100-145

8

## APPENDIX

102	Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia
108	Penganugerahan Dan Pengiktirafan
109	Akademik dan Pengantarabangsaan
122	Pendidikan Keusahawanan
129	Penyelidikan dan Inovasi
133	Pembangunan Hal Ewal Pelajar
142	Pembangunan Infostruktur dan Infrastruktur



# MAKLUMAT KORPORAT

## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- Logo & Falsafah
- Objektif
- Visi & Misi
- Slogan
- Teras Strategi Pembangunan
- Canselor
- Pro-Canselor



Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (*entrepreneurship education*).  
Oleh itu, frasa rangsangan  
**“Keusahawanan Adalah Teras Kami”**  
*Entrepreneurship is Our Thrust*  
digunakan dengan meluas

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Universiti Awam (UA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006.

UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (*entrepreneurship education*). Oleh itu, frasa rangsangan “Entrepreneurship is Our Thrust” digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro industri dan sumber

asli, teknologi kreatif dan warisan, dan perubatan veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan pembangunan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (*Capability and capacity Building of SMEs*) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.

## LOGO & FALSAPAH

lanya melambangkan sebuah Universiti terletak di negeri Kelantan dengan penekanan kepada huruf "U", "M", dan "K".

Reka bentuk logo melambangkan dinamik, pemikiran terbuka, inovatif & kreatif dan merentasi zaman.

*Hourglass* melambangkan tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau pengajaran sepanjang hayat (PSH).

Melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha.

Menggambarkan unsur kromosom yang melambangkan asal usul serta kejadian alam (*a part of nature*)

Warna "biru" untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "pinang masak" untuk warisan.

Penekanan kepada enam aspek utama iaitu:

Keusahawanan

Bahasa ketiga

ICT sebagai pengupaya

Pembelajaran sepanjang hayat

Bakat berkualiti

Keunikan dan relevan

## OBJEKTIF

Menyediakan program pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada pembudayaan keusahawanan dan pembangunan insaniah.

Membangunkan bakat berkualiti yang menyumbang dengan berkesan kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat.

Memperkasakan keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), penyelidikan dan inovasi, kepimpinan dan pengurusan.

Menerajui agenda pendidikan keusahawan dalam pengajian tinggi.

Menyediakan infrastruktur yang kondusif dan sistem sokongan yang berkualiti sebagai asas kepada pembangunan universiti keusahawanan.

Menjadikan Universiti relevan kepada masyarakat dan industri melalui keusahawanan masyarakat (*social entrepreneurship*).

Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang berkesan serta berintegriti tinggi.

## VISI

Peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

## MISI

UMK menyediakan:

Program akademik berkualiti dan relevan,  
Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,  
Perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan, UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif; dan Warga UMK berpengetahuan, berkemahiran, dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.



## SLOGAN

*Keusahawanan Adalah  
Teras Kami*

## TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN

Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian aktiviti universiti;

Memperkasakan penyelidikan, inovasi, dan pengkomersialan;

Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten, dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;

Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;

Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.



**CANSELOR**

**KEBAWAH DULIYANG MAHA MULIA SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D. M. N., D.K. (SELANGOR), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (JOHOR), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS),

D.K. (KEDAH), D.K. (TERENGGANU), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI KELANTAN DARUL NAIM**



**PRO-CANSELOR**

---


**YANG TERAMAT MULIA  
DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI SULTAN ISMAIL PETRA**


**D.K.,S.P.M.K.  
TENGKU MAHKOTA KELANTAN**



# LATAR BELAKANG

UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN





# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

09

**DATO' AZMI BIN MOHD ALI**  
Rakan Kongsi Kanan  
Azmi & Associates

05

**PUAN NORINA BINTI JAMALUDIN**  
Pengaruh  
Bahagian Governan  
IPTA

04

**YB. DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN HAJI CHE MAMAT**  
Setiausaha, Kerajaan  
Negeri Kelantan

02

**PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia  
Kelantan

01

**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah  
Universiti Malaysia  
Kelantan



Pelantikan ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah berlandaskan Seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]. Komposisi ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2016 adalah sebagaimana berikut:

03

**TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH**

Ketua Setiausaha  
Perbendaharaan  
Malaysia

06

**DATO' (DR.) HAFSAH BINTI HASHIM**

Ketua Pegawai  
Eksekutif  
SME Corporation  
Malaysia (SME CORP)

07

**DATO' AHMAD PARDAS BIN SENIN**

Pengerusi  
Malaysian Director's  
Academy ( MINDA)

08

**DATUK HAJI HANAFI BIN HAJI MAMAT**

Pengerusi Eksekutif  
Wira Ukur Consultant

10

**ENCIK ZULKIFLI BIN MOHD ZAN**

Pengurus  
Berkat Usahasama NZ  
Resources &  
Real Design & Printing  
Centre

Ahli Silih Ganti

**DATIN DR. SYAHIRA BINTI HAMIDON**  
Ketua Unit Keusahawanan dan Public-Private Research Network (PPRN)  
Kementerian Pendidikan Tinggi

**DATO' AB. RAHMAN BIN MAT**  
Timbalan Pengarah Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan Malaysia

Setiausaha

**MEJ. (K) PAUZI BIN PAK CHU**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan



# JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI



09

**PROF. ROSDI AB  
RAHMAN**

Penolong Naib Canselor  
Pembangunan Korporat  
Dan Pengurusan Kualiti

08

**ENCIK NOR AZLI BIN  
AHAMED**

Penasihat Undang-  
Undang  
Universiti Malaysia  
Kelantan

06

**ENCIK MOHD YUSRI  
BIN AWANG**

Bendahari  
Universiti Malaysia  
Kelantan

04

**PROF. DATO' DR.  
IBRAHIM BIN CHE  
OMAR**

Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan Dan Inovasi)

02

**PROF. DR. MOHD  
HASSAN BIN MOHD  
OSMAN**

Timbalan Naib Canselor  
(Akademik Dan  
Antarabangsa)



01

**PROF. DATO' DR. MORTAZA  
BIN MOHAMED**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan

03

**PROF. DATO' ABDUL AZIZ  
BIN AB. LATIF**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

05

**MEJ. (K) PAUZI  
BIN PAK CHU**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia  
Kelantan

07

**ENCIK AZMAN  
BIN HASHIM**  
Ketua Pustakawan  
Universiti Malaysia  
Kelantan

# AHLI SENAT UNIVERSITI

BIL	NAMA	JAWATAN
<b>NAIB CANSELOR</b>		
1	Prof. Dato' Dr. Mortaza Bin Mohamed	Naib Canselor (Pengerusi)
<b>TIMBALAN NAIB CANSELOR</b>		
2	Prof. Dr. Mohd. Hassan bin Mohd. Osman	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3	Prof. Dato' Dr. Hj. Ibrahim Bin Che Omar	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)
4	Prof. Dato' Abdul Aziz bin Ab. Latif	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
<b>DEKAN/FAKULTI/PUSAT/INSTITUT</b>		
5	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob	Dekan, Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan
6	Prof. Madya. Ahamad Tarmizi Bin Azizan	Dekan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
7	Prof. Madya Dr. Mohd Mokhtar Bin Arshad	Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
8	Dr. Fatimah Binti Changgok @ Kayat	Dekan, Fakulti Industri Asas Tani
9	Prof. Dr. Ibrahim Bin Busu	Dekan, Fakulti Sains Bumi
10	Prof. Madya Ab. Aziz Bin Shuib	Dekan, Fakulti Senibina Dan Ekistik
11	Prof. Madya. Dr. Ghazali Bin Ahmad	Dekan, Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan
12	Prof. Dr. Mohd. Azam Khan Bin Goriman Khan	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
13	Prof. Dr. Mohd Rosli Bin Mohamad	Dekan, Prasiswazah
14	Dr. Ahmed Thalal Bin Hassan	Pengarah, Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah
15	Prof. Dr. Wan Salihin Wong Bin Abdullah	Pengarah Pusat Pengurusan & Jaminan Kualiti
16	Prof. Ir. Dr. Shah Nor Bin Basri	Pengarah, Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan
17	Prof. Madya Dr. Suria Binti Baba	Pengarah, Pusat Pengajaran & Pembelajaran
18	Prof. Dr. Farok Bin Zakaria	UMK International (UMK-IO)
19	Prof. Dr. Mohamed Dahlan Bin Ibrahim	Pengarah, Institut Perusahaan Kecil Dan Sederhana (ISME)
20	En. Mohammad Nizamuddin Bin Abdul Rahim	Pengarah, Pusat Ko - Kurikulum
<b>PROFESOR</b>		
21	Prof. Rosdi Bin Ab Rahman	Profesor, Fakulti Senibina & Ekistik
22	Prof. Abdul Jamal Bin Abd. Hamid	Profesor, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
23	Prof. Dr. Razli Bin Che Razak	Profesor, Fakulti Keusahawanan & Perniagaan
24	Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad	Profesor Fakulti Keusahawanan & Perniagaan
25	Prof. Dr. Safa'ai Bin Deris	Profesor, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
<b>AHLIYANG DIKO-OPT OLEH NAIB CANSELOR</b>		
26	Prof. Madya Dr. Mokhtarrudin Bin Ahmad	Prof. Madya, Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah
27	Dr. Mohd Zain Bin Mubarak	Pengarah, Pusat Islam
<b>AHLI EX-OFFICIO</b>		
28	Mej (K) Pauzi Bin Pak Chu	Pendaftar
29	En. Azman Bin Hashim	Ketua Pustakawan
30	En. Nor Azli Bin Ahamed	Penasihat Undang-Undang
<b>WAKIL INDUSTRI</b>		
31	Tan Sri Dato Sri Mohd Nadzmi Bin Mohd Salleh	Pengerusi Eksekutif, Nadicorp Holding SDN. BHD.
32	Datuk Hassan Bin Harun	Pengetua, Wadi Sofia International School





# **LAPORAN** **PENGERUSI**

**LEMBAGA PENGARAH  
UNIVERSITI 2016**



# PENGERUSI LPU

## BISMILAHIRRAHMANIRRAHIM

Syukur dipanjatkan kepada Illahi dan tahniah diucapkan kepada semua warga Universiti kerana pada tahun 2016 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menyambut Sambutan 10 Tahun bermula pada Oktober 2016. Keberadaan UMK selama sedekad di Negeri Cik Siti Wan Kembang telah menyaksikan pelbagai corotan melakari bumi bertuah ini dan memberi impak kepada ekonomi, sosial dan budaya setempat.

Minggu Fiesta Batik 2016 yang bertemakan “Batik Tulen Gaya Hidup Kontemporari” merupakan antara program yang dianjurkan oleh UMK dengan kerjasama agensi Negeri Kelantan, Persekutuan, Universiti Awam (UA) dan swasta. Program seumpama ini julung kali diadakan untuk kepentingan dan manfaat kepada industri batik sebagai bidang perniagaan dan penyelidikan. Beberapa anugerah telah diberikan kepada syarikat dan individu terlibat antaranya, Anugerah Tokoh Usahawan Batik dan Anugerah Tokoh Batik 2016. Langkah ini membuktikan UMK komited dalam memastikan industri batik terus berkembang pesat dan berdiri sama teguh dengan industri kraftangan lain sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Selain itu, UMK juga mengambil inisiatif bagi menjadikan Negeri Kelantan sebagai salah satu destinasi pelancongan budaya. Penubuhan Muzium Tekstil dan Fesyen (TEXFAS) yang terletak di UMK Kampus Bachok dan dirasmikan pada 18 September 2016 merupakan sebuah muzium yang mengumpulkan dan memamerkan karya senireka, tekstil dan fesyen untuk tatapan umum. TEXFAS turut berperanan sebagai pusat kecemerlangan bagi kajian dan inovasi tekstil serta fesyen di wilayah Pantai Timur. Muzium ini akan bertindak sebagai medium yang menyokong pelbagai aktiviti penyelidikan berterusan oleh penggiat seni tempatan. Misi penubuhannya adalah untuk menyediakan penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial yang tinggi berkonsepkan pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Saban tahun, agenda keusahawanan UMK terus diperkukuhkan selaras dengan moto Universiti iaitu “Universiti Keusahawanan”. Agenda ini bukan sahaja dilaksanakan oleh UMK sendiri malahan mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak-pihak luar berkaitan. Antaranya kolaborasi di antara UMK dengan figura korporat melalui pelaksanaan Program Siri Syarahan

Pengerusi (*Chairman Lecture Series (CLS)*). Pada tahun 2016, 2 figura korporat telah terlibat iaitu Tan Sri Dato’ Azman Hj. Mokhtar, Pengarah Urusan Khazanah Nasional dan Dato’ Sri Mohammed Shazalli Ramly, Ketua Pegawai Eksekutif Serantau Asia Tenggara Celcom Axiata. Perkongsian pengalaman mereka dalam bidang pengurusan korporat dan pelaburan serta industri

“**besar harapan saya supaya UMK akan terus maju dan menjadi **Universiti Keusahawanan terulung.** Slogan “**Keusahawan Adalah Teras Kami**” perlu terus dipegang erat dan disemat kukuh di sanubari oleh semua warganya.**”

komunikasi adalah bermanfaat dan relevan kepada mahasiswa UMK. Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian turut dimeterai dengan beberapa konglomerat antaranya, dengan Celcom Axiata, Segi-Avon, Majulia Sdn. Bhd. dan sebagainya. Kolaborasi dengan pihak industri ini dilihat akan memperkukuhkan agenda keusahawanan UMK dan kelestariannya pada masa akan datang.

Pemeriksaan *Action Group for Entrepreneur (AGE) Council* adalah salah satu usaha dan strategi pihak UMK bagi memberi lebih banyak pengalaman industri untuk menjadikan UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan terulung. Struktur AGE Council yang lebih jelas dan mantap, serta pemantauan yang dilaksanakan secara berkala terus memantapkan agenda keusahawanan UMK. Sokongan dan bantuan daripada sektor korporat dan industri dalam menyediakan peluang serta bimbingan kepada mahasiswa dalam mengembangkan idea-idea perniagaan mereka untuk menjadi usahawan. Anggota AGE Council turut terlibat dalam pelaksanaan program Dua Tahun Di



Universiti (+) Dua Tahun Di Industri (2u2i) di mana pelajar diberikan fokus kepada pendedahan awal dan pengalaman bekerja di dalam industri. Selain itu juga, AGE Council bukan sahaja terhad kepada pembangunan kokurikulum tetapi juga penyelidikan, mobiliti, kerjaya, program sangkutan dan pembinaan kapasiti untuk para siswa memajukan diri mereka dan bergerak seiring dengan kemajuan teknologi yang sentiasa berubah.

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh UMK ini telah melonjakkan aktiviti keusahawanan di kalangan mahasiswa. Buktinya, bilangan Syarikat Siswa Universiti (SSU) semakin bertambah saban tahun. Bermula pada tahun 2014 di mana hanya terdapat 17 buah SSU sahaja dengan penglibatan siswa seramai 17 orang. Pada tahun 2016, bilangan SSU melonjak ke 152 buah dengan penglibatan siswa seramai 328 orang. Kemuncaknya, Syarikat Ruby Coffee, SSU yang mengusahakan perkhidmatan minuman berasaskan minuman kopi dan dikendalikan sepenuhnya oleh tiga (3) orang pelajar iaitu Hakimullah Bin Khabilu, Mohd Suhaimi Bin Mat Rasat dan Muhammad Haziq B Razak telah layak ke peringkat akhir bagi merebut anugerah *Best Student Enterprise pada Ministry of Higher Education Entrepreneurial Awards 2016 (MEA)*. Kejayaan ini menjadi kebanggaan semua kerana syarikat tersebut melalui proses pemilihan yang ketat untuk bersaing ke peringkat akhir.

Pihak UMK terus komited dalam merencanakan dan mengalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Pelbagai kursus/bengkel berkala dianjurkan sebagai persediaan mahasiswa menceburi bidang perniagaan antaranya, *Young Entrepreneur Boot Camp* dan *New Business Coaching Session* di mana mahasiswa diberikan pendedahan mengenai pengurusan syarikat dan juga kaedah-kaedah bagi meningkatkan keuntungan syarikat. Selain itu, melalui UMK Entrepreneurship Institute (UMKEI), pihak Universiti berjaya menyediakan kemudahan pinjaman perniagaan kepada SSU serendah RM2,000 sehingga RM10,000 sebagai modal permulaan.

UMK selaku sebuah UA yang mengalakkan keusahawanan, inovasi dan kreativiti melalui penjanaan idea-idea baharu dan penyelidikan berimpak tinggi terus mengecapi kejayaan di dalam dan luar Negara. Antara kejayaannya adalah mendapat 10 pingat dalam Malaysian Technology Expo (MTE 2016) iaitu satu (1) emas, dua (2) perak dan tujuh (7) gangsa dan juga Best Biotechnology Award. Selain itu, UMK juga mendapat pingat emas dalam *World Invention Innovation Contest WiC 2016* yang berlangsung di Korea Selatan.

Akhir kata, besar harapan saya supaya UMK akan terus maju dan menjadi Universiti Keusahawanan terulung. Slogan "Keusahawan Adalah Teras Kami" perlu terus dipegang erat dan disemat kukuh di sanubari oleh semuaarganya.

SELAMAT MERAIKAN "SAMBUTAN 10 TAHUN".

Terima kasih.

**YBHG. TAN SRI DATO SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan  
25 April 2017



# HIGHLIGHT UNIVERSITI

WOW FACTOR UMK  
2016



# PENCAPAIAN UNIVERSITI SEPANJANG TAHUN 2016

## PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Produk *GMS Binder* yang telah dihasilkan oleh Dr. Mohd Hazim Mohamad Amini dan produk kesihatan *Squatty Healthy: Posture Base For Water Closet* yang dihasilkan oleh staf Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, En. Muhammad Najibul Muthie Bin Che Ya'acob mendapat sambutan luar biasa daripada industri apabila terdapat beberapa pengusaha yang telah bersetuju bekerjasama dengan UMK untuk menghasilkan dan memasarkan produk berkenaan.

### Penyelidikan dan Pengkomersialan Cuka Rambutan

UMK akan memasarkan produk cuka berasaskan buah-buahan rambutan dan dokong dengan bantuan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (Kelantan Biotech Corp) menjelang awal tahun depan. Penyelidikan memakan masa tiga tahun bermatlamat mengatasi masalah lambakan buah-buahan bermusim yang tidak terjual di pasaran, sekali gus menambah pendapatan peladang tempatan.



40 % peningkatan jumlah pendapatan pekebun semusim  
2kg rambutan (RM2) = 1L cuka (RM50)  
6000kg rambutan semusim = 3000 L cuka

Nilai harga jualan cuka RM 150, 000 / musim  
Peningkatan skala = (4 kali ganda semusim)  
RM600,000 / YEAR (24,000kg rambutan/  
semusim)

## JARINGAN KERJASAMA DAN KEMASYARAKATAN

### Perkongsian Ilmu

Perkongsian ilmu yang diterapkan oleh pihak universiti menerusi Program Pusat Sumber Sekolah Angkat antara Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI) dengan Sek Men Agama Tunku Amalin Aishah Putri di Kota Bharu telah berjaya menjadikan sekolah tersebut sebagai Pusat Sumber Terbaik Peringkat Kebangsaan 2016. Pencapaian ini juga telah membentuk ekosistem pusat sumber sekolah menjadi lebih efektif. Selain itu juga, sekolah tersebut telah dijadikan sekolah ikon serta pakar rujuk kepada pembangunan pusat sumber di peringkat sekolah seluruh Malaysia.



## Koleksi Khas Keusahawanan Negeri Kelantan berjaya direkodkan

Kewujudan UMK di Kelantan bukan sahaja untuk memberikan pendidikan kepada pelajar dan masyarakat setempat. Ia juga sebagai gedung ilmu dan pusat yang menyimpan segala sejarah tempatan yang mempunyai nilai sejarah dan kepada Negara. Sehingga 31 Disember 2016 antara koleksi terpenting di Kelantan yang berjaya direkodkan iaitu sebanyak 4,000 jenis rekabentuk blok cetakan batik telah diperolehi dari seorang usahawan batik

terkenal di Kelantan. Ini merupakan bahan yang bernilai sejarah kepada penggemar fashion batik di Negara ini khususnya dan seluruh dunia amnya. Selain itu juga, sepanjang tahun 2016 sejumlah 4,800 bahan yang terdiri daripada artikel dan kertas kerja berkaitan keusahawanan telah dikenalpasti sebagai rujukan yang boleh diakses melalui Aplikasi Pangkalan Data Atas Talian IKNOW.


## SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICGPA Dalam Sistem Maklumat Pelajar)

UMK ialah merupakan salah satu daripada lima (5) Universiti Awam (UA) yang terpilih sebagai Projek Rintis iCGPA bermula kemasukan September Sesi 2015/2016. Projek rintis ini dimulakan dengan program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) di Fakulti Sains Bumi (FSB) dengan 37 orang pelajar. Pihak PPP telah mengadakan latihan pertama kepada pensyarah di FSB untuk pelaksanaan Projek Rintis iCGPA pada 26-28 Ogos 2016 untuk dua (2) semester pertama. Pihak fakulti telah dapat menghasilkan spider web bagi melihat keberkesanan pelaksanaan iCGPA pelajar yang terlibat.

Sistem iCGPA yang telah dibangunkan ini telah berjaya mendapat pingat Emas di dalam pertandingan Invention, Innovation & Design On e-Learning (IIDEL) di International University Carnival On e-Learning (IUCEL) 2016 yang berlangsung pada 20 dan 21 September 2016 dan bertempat di Dewan Sri Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.



## PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN



Sepanjang tahun 2016, sebanyak 152 syarikat pelajar yang didaftarkan berbanding hanya 13 syarikat pelajar pada tahun 2015 iaitu meningkat sebanyak 92.12% berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 13.3%. Pencapaian ini disebabkan oleh sokongan Sistem Syarikat Siswa Universiti (E-SSU) yang telah berjaya diperkenalkan oleh pihak Universiti pada Mei 2016. Selain itu juga, pelbagai tawaran lain turut menyumbang kepada peningkatan ini iaitu tawaran Skim Pinjaman Mikro, Sewaan Kiosk Usahawan Muda serta pelbagai latihan mengenai keusahawanan kepada pelajar.



# PETUNJUK PRESTASI UTAMA

RINGKASAN LAPORAN  
PENCAPAIAN UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN




## TERAS AKADEMIK

Populariti (Program Sarjana Muda):


Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Bil. Penawaran	3,151	2,817	
2.	Bil. Berdaftar	2,931	2,102	2,009
3.	Populariti		16/20	16/20

Enrolmen pelajar:

Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Prasiswazah	8,110	9,044	9,297
2.	Pascasiswazah - PPS	708	333	684
	Pascasiswazah - MGSEB	299	328	287
3.	*Antarabangsa (Sarjana Muda)			
	Antarabangsa (Sarjana & PhD) - PPS	68	83	25
	Antarabangsa (Sarjana & PhD) - MGSEB	24	44	37



Taburan Pelajar Antarabangsa (Sarjana & PhD) PPS



Peratus Keciciran:

Bil.	Perkara	2014	2015	2016
1.	Sarjana Muda	12.39 (42)	9.29 (59)	12.36 (77)
2.	Sarjana - PPS	22.5	13.8	6.1
3.	Sarjana - MGSEB	-	-	-
4.	PhD - PPS	18.5	8.8	4.2


Peratus Pelajar "Non Traditional":

Bil.	Perkara	2014	2015	2016
1.	Enrolmen Pelajar 2u2i	-	30	
2.	Enrolmen Pelajar 3+1	-	45	

## TERAS KEUSAHAWANAN DAN SOSIOEKONOMI


Graduan yang Bekerja (*Graduate Employability*):

Bil	Perkara	2014		2015		2016	
		Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1.	Bekerja	418	72.70	726	68.36	1023	57.93
2.	Usahawan	36	6.26	66	6.21	84	4.76
3.	Sambung Belajar	42	7.30	74	6.97	75	4.25
4.	Meningkatkan Kemahiran	9	1.57	61	5.74	143	8.10



**Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Keusahawanan (Semasa Pengajian):**

Bil	Perkara	2014		2015		2016	
		Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1.	Pelajar	17	-	30	63.83	328	92.12
2.	Syarikat	17	-	13	13.33	152	91.62



**Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Bil.	Perkara	2014	2015	2016
1.	Enrolmen pelajar Diploma Pengurusan Enterprais	-	-	13
2.	Enrolmen pelajar Diploma Pendidik Usahawan	-	-	10
3.	Enrolmen SME@University	-	-	20

## TERAS KEWANGAN

**Kecekapan Kos:**

Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Perbelanjaan Operasi	RM169.52j	RM173.83j	RM158.07j
2.	Perbelanjaan Emolumen	RM38.13j	RM48.30j	RM54.44j
3.	Perkhidmatan & Bekalan	RM101.61j	RM100.54j	RM91.44j

Penjanaan Pendapatan:

Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Pemberian Kerajaan	87.97 %	81.00 %	78.18 %
2.	Yuran Pelajar	10.15 %	12.74 %	14.01 %
3.	Pendapatan lain	1.88 %	6.26 %	7.81 %

Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Pendapatan yang dijana sendiri oleh universiti berbanding jumlah belanja mengurus	RM22.09j	RM34.96j	RM41.25j
2.	Pendapatan menerusi aktiviti RDC dan konsultansi	RM7.93j	RM4.04j	RM3.17j
3.	Pendapatan yang dijana oleh anak syarikat	RM5.91j	RM7.60j	RM13.20j
4.	Pendapatan yang dijana oleh PTJ melalui aktiviti yang diluluskan	RM3.44j	RM4.45j	RM4.71j
5.	Endowmen	-	-	RM100,000
6.	Waqf	-	-	-

## TERAS PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Penyelidik Utama	159	178	184
2.	Penerbitan:			
	- Buku	16	18	25
	- Artikel	36	124	104
	- Prosiding	6	47	24
	- Umum	2	77	4
3.	Penyelidikan:			
	- Kerajaan	80	74	80
	- Antarabangsa	1	2	1
4.	Perundingan	3	1	1
5.	Sitasi	685	791	827

## TERAS SUMBER MANUSIA

Bil	Perkara	2014	2015	2016
1.	Jumlah Staf Akademik	495	553	561
2.	Peratus staf berkelulusan Ph.D	34.31%	35.45%	40.78%
3.	Peratus staf berpengalaman industri/ keusahawanan	8.1%	7.9%	9.5%
4.	Jumlah staf antarabangsa	39	43	37

\* Peratus dikira berdasarkan jumlah staf akademik aktif



# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

- Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan
- Pendapatan Dan Perbelanjaan Universiti
- Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang (Asas Tunai)
- Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan Universiti
- Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti
- Aset, Tanggungan Dan Kumpulan Wang (Kumpulan)
- Aset, Tanggungan Dan Kumpulan Wang (Universiti)
- Ringkasan Kedudukan Kewangan UMK Bagi Tempoh 5 Tahun




# PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM297.98 juta berbanding RM242.31 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM55.67 juta atau 22.97%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM187.75 juta berbanding RM180.86 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.89 juta atau 3.81%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1.1 dan Rajah 1.1.

Perkara/ Tahun	2016	2015	Perbezaan	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	297.98	242.31	55.67	22.97
Perbelanjaan	187.75	180.86	6.89	3.81

Jadual 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan




Rajah 1.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan

Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM297.98 juta (2015 : RM242.31 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM242.61 juta (2015 : RM193.30 juta), yuran pelajar sebanyak RM35.28 juta (2015 : RM32.98 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM20.09 juta (2015 : RM16.03 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 81.42% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 1.2 dan Carta 1.2.

Perkara/ Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	242.61	81.42	193.30	79.77
Yuran Pelajar	35.28	11.84	32.98	13.61
Pendapatan Lain	20.09	6.74	16.03	6.62
<b>Jumlah</b>	<b>297.98</b>	<b>100.00</b>	<b>242.31</b>	<b>100.00</b>

Jadual 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan




Carta 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan

# PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM187.75 juta (2015 : RM180.86 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM54.39 juta (2015 : RM48.31 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM103.07 juta (2015 : RM103.61 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM5.93 juta (2015 : RM9.15 juta), perbelanjaan lain RM7.64 juta (2015 : RM5.04 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM16.72 juta (2015 : RM14.75 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 54.90% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 1.3 dan Carta 1.3.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	54.39	28.97	48.31	26.71
Perkhidmatan & Bekalan	103.07	54.90	103.61	57.29
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	5.93	3.16	9.15	5.06
Perbelanjaan Lain	7.64	4.07	5.04	2.79
Susutnilai Tahunan	16.72	8.90	14.75	8.15
<b>Jumlah</b>	<b>187.75</b>	<b>100.00</b>	<b>180.86</b>	<b>100.00</b>

Jadual 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan




Carta 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan

Keseluruhan pendapatan universiti bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM297.39 juta berbanding RM245.38 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM52.01 juta atau 21.20%. Manakala keseluruhan perbelanjaan universiti bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM192.28 juta berbanding RM184.62 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM7.66 juta atau 4.15%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan universiti adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan Rajah 2.1.

Perkara/Tahun	2016	2015	Perbezaan	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	297.39	245.38	52.01	21.20
Perbelanjaan	192.28	184.62	7.66	4.15

Jadual 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti




Rajah 2.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti

Pendapatan universiti yang berjumlah RM297.39 juta (2015 : RM245.38 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM242.61 juta (2015 : RM193.30 juta), yuran pelajar sebanyak RM35.28 juta (2015 : RM32.98 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM19.50 juta (2015 : RM19.10 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 81.58% daripada jumlah keseluruhan pendapatan universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan universiti adalah seperti Jadual 2.2 dan Carta 2.2.

Perkara/Tahun	2016		2015		Perbezaan	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	242.61	81.58	193.30	78.78		
Yuran Pelajar	35.28	11.86	32.98	13.44		
Pendapatan Lain	19.50	6.56	19.10	7.78		
<b>Jumlah</b>	<b>297.39</b>	<b>100.00</b>	<b>245.38</b>	<b>100.00</b>		

Jadual 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti




Carta 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti

Perbelanjaan universiti yang berjumlah RM192.28 juta (2015 : RM184.62 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM54.44 juta (2015 : RM48.31 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM107.43 juta (2015 : RM109.92 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM8.14 juta (2015 : RM9.15 juta), perbelanjaan lain RM6.30 juta (2015 : RM3.08 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM15.97 juta (2015 : RM14.16 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 55.87% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan universiti adalah seperti Jadual 2.3 dan Carta 2.3.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	54.44	28.31	48.31	26.17
Perkhidmatan & Bekalan	107.43	55.87	109.92	59.54
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	8.14	4.23	9.15	4.95
Perbelanjaan Lain	6.30	3.28	3.08	1.67
Susutnilai Tahunan	15.97	8.31	14.16	7.67
<b>Jumlah</b>	<b>192.28</b>	<b>100.00</b>	<b>184.62</b>	<b>100.00</b>

Jadual 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti



Carta 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti

# PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG (ASAS TUNAI)


Perbelanjaan universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang mengikut asas tunai adalah sebagaimana berikut:

## KUMPULAN WANG MENGURUS

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM189.08 juta berbanding RM184.03 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.05 juta atau 2.74%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM158.07 juta berbanding RM173.83 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM15.76 juta atau 9.07%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 3.1 dan Rajah 3.1.

Perkara/Tahun	2016	2015	Perbezaan	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	189.08	184.03	5.05	2.74
Perbelanjaan	158.07	173.83	(15.76)	(9.07)

Jadual 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Rajah 3.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM189.08 juta (2015 : RM184.03 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM147.83 juta (2015 : RM149.07 juta), yuran pelajar sebanyak RM26.48 juta (2015 : RM23.45 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM14.77 juta (2015 : RM11.51 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 78.18% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.2 dan Carta 3.2.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	147.83	78.18	149.07	81.00
Yuran Pelajar	26.48	14.01	23.45	12.74
Pendapatan Lain	14.77	7.81	11.51	6.26
<b>Jumlah</b>	<b>189.08</b>	<b>100.00</b>	<b>184.03</b>	<b>100.00</b>

Jadual 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus

Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM158.07 juta (2015 : RM173.83 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM54.44 juta (2015 : RM48.30 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM91.44 juta (2015 : RM100.54 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM4.50 juta (2015 : RM3.92 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM4.44 juta (2015 : RM5.83 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM1.17 juta (2015 : RM13.13 juta) dan perbelanjaan lain RM2.08 juta (2015 : RM2.11 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 57.85% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.3 dan Carta 3.3.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	54.44	34.44	48.30	27.79
Perkhidmatan & Bekalan	91.44	57.85	100.54	57.84
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	4.50	2.85	3.92	2.26
Hartanah, Loji & Peralatan	4.44	2.81	5.83	3.35
Projek Dalam Kemajuan	1.17	0.74	13.13	7.55
Perbelanjaan Lain	2.08	1.31	2.11	1.21
<b>Jumlah</b>	<b>158.07</b>	<b>100.00</b>	<b>173.83</b>	<b>100.00</b>

Jadual 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus




Carta 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus

## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM53.52 juta berbanding RM130.18 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM76.66 juta atau 58.89%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM88.85 juta berbanding RM39.46 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM49.39 juta atau 125.16%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 4.1 dan Rajah 4.1.

Perkara/Tahun	2016	2015	Perbezaan	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	53.52	130.18	(76.66)	(58.89)
Perbelanjaan	88.85	39.46	49.39	125.16

Jadual 4.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Rajah 4.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan

Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM53.52 juta (2015 : RM130.18 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM53.52 juta (2015 : RM130.04 juta) dan tiada pendapatan lain pada tahun 2016 (2015 : RM0.14 juta). Pemberian kerajaan yang berjumlah RM53.52 juta (2015 : RM130.04 juta) adalah peruntukan bagi Development Expenditure (DE). Jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah merupakan pemberian kerajaan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.2 dan Carta 4.2.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	53.52	100.00	130.04	99.89
Pendapatan Lain	-	-	0.14	0.11
<b>Jumlah</b>	<b>53.52</b>	<b>100.00</b>	<b>130.18</b>	<b>100.00</b>

Jadual 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM88.85 juta (2015 : RM39.46 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM6.43 juta (2015 : RM2.18 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM12.98 juta (2015 : RM3.82 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM65.52 juta (2015 : RM32.51 juta) dan perbelanjaan lain RM3.92 juta (2015 : RM0.95 juta). Perbelanjaan ke atas projek dalam kemajuan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 73.74% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.3 dan Carta 4.3.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Perkhidmatan & Bekalan	6.43	7.24	2.18	5.52
Hartanah, Loji & Peralatan	12.98	14.61	3.82	9.68
Projek Dalam Kemajuan	65.52	73.74	32.51	82.39
Perbelanjaan Lain	3.92	4.41	0.95	2.41
<b>Jumlah</b>	<b>88.85</b>	<b>100.00</b>	<b>39.46</b>	<b>100.00</b>

Jadual 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan




Carta 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan

## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM3.17 juta berbanding RM4.04 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM0.87 juta atau 21.53%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM5.00 juta berbanding RM4.76 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.24 juta atau 5.04%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 5.1 dan Rajah 5.1.

Perkara/tahun	2016	2015	Perbezaan	
	RM (JUTA)	RM (JUTA)	RM (JUTA)	%
Pendapatan	3.17	4.04	(0.87)	(21.53)
Perbelanjaan	5.00	4.76	0.24	5.04

Jadual 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Rajah 5.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM3.17 juta (2015 : RM4.04 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sahaja. Pemberian kerajaan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan adalah terdiri daripada peruntukan penyelidikan untuk Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) sebanyak RM1.39 juta (2015 : RM2.07 juta), Knowledge Transfer Programme Grant (KTPG) sebanyak RM0.06 juta (2015 : RM0.53 juta), Long Term Research Grant Scheme (LRGS) sebanyak RM0.09 juta (2015 : Tiada), Prototype Research Grant Scheme (PRGS) sebanyak RM0.23 juta (2015 : RM0.37 juta), Malaysian Research Assessment (MYRA) sebanyak RM0.48 juta (2015 : RM0.55 juta) dan Public Private Research Network (PPRN) sebanyak RM0.17 juta (2015 : RM0.15 juta). Transdisciplinary Research Grant Scheme (TRGS) berjumlah RM0.75 juta

merupakan skim penyelidikan yang hanya diterima pada tahun 2016. Pada tahun 2016 juga, tiada peruntukan penyelidikan diterima bagi Research Acculturation Grant Scheme (RAGS) (2015 : RM0.37 juta). Peruntukan penyelidikan FRGS merupakan peruntukan penyelidikan yang terbesar iaitu 43.85% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.2 dan Carta 5.2.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan - FRGS	1.39	43.85	2.07	51.24
Pemberian Kerajaan - KTPG	0.06	1.89	0.53	13.12
Pemberian Kerajaan - RAGS	-	-	0.37	9.16
Pemberian Kerajaan - LRGS	0.09	2.84	-	-
Pemberian Kerajaan - PRGS	0.23	7.26	0.37	9.16
Pemberian Kerajaan - MYRA	0.48	15.14	0.55	13.61
Pemberian Kerajaan - PPRN	0.17	5.36	0.15	3.71
Pemberian Kerajaan - TGRS	0.75	23.66	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>3.17</b>	<b>100.00</b>	<b>4.04</b>	<b>100.00</b>

Jadual 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM5.00 juta (2015 : RM4.76 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM4.48 juta (2015 : RM2.56 juta) pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM0.33 juta (2015 : RM2.20 juta), hartanah, loji & peralatan sebanyak RM0.16 juta (2015 : Tiada) dan perbelanjaan lain sebanyak RM0.03 juta (2015 : Tiada). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 89.60% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.3 dan Carta 5.3.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Perkhidmatan & Bekalan	4.48	89.60	2.56	53.78
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	0.33	6.60	2.20	46.22
Hartanah, Loji & Peralatan	0.16	3.20	-	-
Perbelanjaan Lain	0.03	0.60	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>5.00</b>	<b>100.00</b>	<b>4.76</b>	<b>100.00</b>

Jadual 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan




Carta 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

## KUMPULAN WANG AMANAH

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM13.64 juta berbanding RM19.51 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM5.87 juta atau 30.09%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM9.67 juta berbanding RM7.97 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.70 juta atau 21.33%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 6.1 dan Rajah 6.1.

Perkara/Tahun	2016		2015		Perbezaan	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pendapatan	13.64		19.51		(5.87)	(30.09)
Perbelanjaan	9.67		7.97		1.70	21.33

Jadual 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




Rajah 6.1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM13.64 juta (2015 : RM19.51 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM0.12 juta (2015 : RM2.53 juta), yuran pelajar sebanyak RM8.80 juta (2015 : RM9.53 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM4.72 juta (2015 : RM7.45 juta). Yuran pelajar merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 64.52% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.2 dan Carta 6.2.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Pemberian Kerajaan	0.12	0.88	2.53	12.97
Yuran Pelajar	8.80	64.52	9.53	48.85
Pendapatan Lain	4.72	34.60	7.45	38.18
<b>Jumlah</b>	<b>13.64</b>	<b>100.00</b>	<b>19.51</b>	<b>100.00</b>

Jadual 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah




Carta 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah

Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM9.67 juta (2015 : RM7.97 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM5.09 juta (2015 : RM4.63 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM3.31 juta (2015 : RM3.02 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.56 juta (2015 : RM0.28 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM0.45 juta (2015 : Tiada) dan perbelanjaan lain RM0.26 juta (2015 : RM0.03 juta). Tiada perbelanjaan bagi emolumen pada tahun 2016 (2015 : RM0.01 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 52.64% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.3 dan Carta 6.3.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Emolumen	-	-	0.01	0.13
Perkhidmatan & Bekalan	5.09	52.64	4.63	58.09
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	3.31	34.23	3.02	37.89
Hartanah, Loji & Peralatan	0.56	5.79	0.28	3.51
Projek Dalam Kemajuan	0.45	4.65	-	-
Perbelanjaan Lain	0.26	2.69	0.03	0.38
<b>Jumlah</b>	<b>9.67</b>	<b>100.00</b>	<b>7.97</b>	<b>100.00</b>

Jadual 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah





Carta 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah

# PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN UNIVERSITI

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan universiti bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM18.14 juta berbanding RM9.93 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM8.21 juta atau 82.68%. Perolehan hartanah, loji & peralatan universiti adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM4.44 juta (2015 : RM5.83 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM12.98 juta (2015 : RM3.82 juta). Manakala perolehan perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan dan Amanah masing – masing berjumlah RM0.16 juta (2015 : Tiada) dan RM0.56 juta (2015 : RM0.28 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan universiti mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 7.1 dan Carta 7.1.



Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	4.44	24.48	5.83	58.71
Kumpulan Wang Pembangunan	12.98	71.55	3.82	38.47
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.16	0.88	-	-
Kumpulan Wang Amanah	0.56	3.09	0.28	2.82
<b>Jumlah</b>	<b>18.14</b>	<b>100.00</b>	<b>9.93</b>	<b>100.00</b>

Jadual 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)



Carta 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kumpulan Wang)

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan universiti terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM3.39 juta (2015 : RM1.30 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.02 juta (2015 : RM0.55 juta), kenderaan & jentera berjumlah RM0.27 juta (2015 : RM0.93 juta) serta alat kelengkapan berjumlah RM14.46 juta (2015 : RM7.15 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan universiti mengikut kategori adalah seperti Jadual 7.2 dan Carta 7.2.



Carta 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Bangunan & Pembaikan Bangunan	3.39	18.69	1.30	13.09
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	0.02	0.11	0.55	5.54
Kenderaan & Jentera	0.27	1.49	0.93	9.37
Alat Kelengkapan	14.46	79.71	7.15	72.00
<b>Jumlah</b>	<b>18.14</b>	<b>100.00</b>	<b>9.93</b>	<b>100.00</b>


Jadual 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan Universiti (Kategori)

# TAMBAHAN PROJEK DALAM KEMAJUAN UNIVERSITI

Bayaran projek dalam kemajuan universiti adalah sebanyak RM67.14 juta berbanding RM45.64 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM21.50 juta atau 47.11%. Bayaran projek dalam kemajuan universiti merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM1.17 juta (2015 : RM13.13 juta), Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM65.52 juta (2015 : RM32.51 juta) dan Kumpulan Wang Amanah RM0.45 juta (2015 : Tiada). Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM2.95 juta (2015 : RM29.30 juta) bagi Kumpulan Wang Mengurus. Manakala, bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah sebanyak RM24.27 juta (2015 : RM4.31 juta). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 8.1 dan Carta 8.1.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	1.17	1.74	13.13	28.77
Kumpulan Wang Pembangunan	65.52	97.59	32.51	71.23
Kumpulan Wang Amanah	0.45	0.67	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>67.14</b>	<b>100.00</b>	<b>45.64</b>	<b>100.00</b>

Jadual 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti



Carta 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan Universiti

# ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (KUMPULAN)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM820.54 juta berbanding RM747.40 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM73.14 juta atau 9.79%. Aset kumpulan yang berjumlah RM820.54 juta (2015 : RM747.40 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM320.44 juta (2015 : RM291.19 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM121.95 juta (2015 : RM82.14 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.20 juta (2015 : RM0.26 juta) dan aset semasa sebanyak RM377.95 juta (2015 : RM373.81 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM192.96 juta berbanding RM228.88 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM35.92 juta atau 15.69%. Tanggungan kumpulan yang berjumlah RM192.96 juta (2015 : RM228.88 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM18.13 juta (2015 : RM11.55 juta) dan tanggungan bukan semasa sebanyak RM174.83 juta (2015 : RM217.33 juta).

Jumlah rizab tunai kumpulan bagi tahun 2016 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM365.02 juta berbanding RM364.48 juta pada tahun 2015. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.54 juta iaitu 0.15%.


Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM627.58 juta berbanding RM518.52 juta pada tahun 2015. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM109.06 juta iaitu 21.03%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 9.1 dan Carta 9.1.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	226.14	33.96	186.32	34.47
Kumpulan Wang Pembangunan	343.91	51.64	273.87	50.67
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.34	0.05	0.21	0.04
Kumpulan Wang Amanah	69.40	10.42	62.09	11.49

Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.05	7.00	1.30
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	(19.21)	2.88	(10.97)	2.03
<b>Jumlah</b>	<b>627.58</b>	<b>100.00</b>	<b>518.52</b>	<b>100.00</b>

Jadual 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)



Carta 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)

# ASET, TANGGUNGAN DAN KUMPULAN WANG (UNIVERSITI)

Keseluruhan aset universiti bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM785.17 juta berbanding RM713.60 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM71.57 juta atau 10.03%. Aset universiti yang berjumlah RM785.17 juta (2015 : RM713.60 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM285.97 juta (2015 : RM256.77 juta), pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2015 : RM1.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM121.95 juta (2015 : RM82.14 juta), pinjaman kakitangan sebanyak RM0.20 juta (2015 : RM0.26 juta) dan aset semasa sebanyak RM375.55 juta (2015 : RM372.93 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan universiti bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM163.62 juta berbanding RM196.83 juta pada tahun 2015, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM33.21 juta atau 16.87%. Tanggungan universiti yang berjumlah RM163.62 juta (2015 : RM196.83 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM10.74 juta (2015 : RM6.45 juta) dan tanggungan bukan semasa sebanyak RM152.88 juta (2015 : RM190.38 juta).


Jumlah rizab tunai universiti bagi tahun 2016 yang merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap adalah sebanyak RM359.44 juta berbanding RM355.18 juta pada tahun 2015. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.26 juta iaitu 1.20%.

Jumlah aset bersih universiti bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM621.55 juta berbanding RM516.77 juta pada tahun 2015. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM104.78 juta iaitu 20.28%.

Keseluruhan aset dan tanggungan universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 10.1 dan Carta 10.1.

Perkara/Tahun	2016		2015	
	RM (JUTA)	%	RM (JUTA)	%
Kumpulan Wang Mengurus	199.56	32.11	170.61	33.02
Kumpulan Wang Pembangunan	343.91	55.33	273.86	52.99
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.34	0.05	0.21	0.04
Kumpulan Wang Amanah	70.74	11.38	65.09	12.60
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.13	7.00	1.35
<b>Jumlah</b>	<b>621.55</b>	<b>100.00</b>	<b>516.77</b>	<b>100.00</b>



Jadual 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)



Carta 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)

# RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN UMK BAGI TEMPOH 5 TAHUN

Perkara/Tahun	2016	2015	2014	2013	2012
	RM				
<b>Lembaran Imbangan</b>					
Aset Bukan Semasa	409,613,283	340,667,563	301,957,926	270,156,647	258,701,100
Aset Semasa	375,558,043	372,928,374	264,609,624	170,259,001	112,713,758
Liabiliti Bukan Semasa	152,878,687	190,374,419	2,305,775	2,105,603	1,431,649
Liabiliti Semasa	10,738,224	6,448,885	13,035,726	3,120,897	3,549,935
Dana dan Rezab	621,554,415	516,772,633	551,226,049	435,189,148	366,433,274
Nilai Pelaburan dalam Anak Syarikat	1,500,000	1,499,998	1,499,998	1,499,998	1,499,998
<b>Penyata Pendapatan</b>					
Pemberian Kerajaan : Geran Mengurus	147,829,326	149,067,316	161,472,478	146,535,487	89,100,000
Pemberian Kerajaan : Geran Pembangunan	88,853,081	39,456,704	6,986,576	6,625,873	4,179,645
Pemberian Kerajaan : Geran Penyelidikan	5,050,721	4,518,787	7,925,448	8,907,539	1,370,933
Pemberian Kerajaan : Geran Amanah	882,868	260,857	3,532,410	5,542,933	9,181,069
Yuran Pelajar	35,277,392	32,980,892	25,636,645	17,457,146	11,076,772
Pendapatan Lain	19,496,699	19,098,415	6,950,799	4,593,574	2,301,983
Jumlah Pendapatan	297,390,087	245,382,971	212,504,356	189,662,552	117,210,402
Jumlah Perbelanjaan	192,283,138	184,621,339	161,759,180	129,261,292	103,979,396
Lebih Bersih Pendapatan	105,106,949	60,761,632	50,745,176	60,401,260	13,231,006
<b>Paparan Penyata Aliran Tunai</b>					
Tunai di Tangan dan Tunai di Bank	23,496,842	28,830,332	53,926,384	61,731,338	64,514,733
Simpanan Tetap	335,941,979	326,348,471	200,048,978	99,142,768	43,875,553
Pendapatan Sebelum Cukai	105,106,949	60,761,632	50,745,176	60,401,260	13,231,006
<b>Paparan Nisbah Kewangan</b>					
Nisbah Semasa	34.97	57.83	20.30	54.55	31.75
Nisbah Hutang	0.21	0.28	0.03	0.01	0.01
Nisbah Hutang kepada Dana & Rezab Kerajaan	0.26	0.38	0.03	0.01	0.01
Nisbah Pulangan ke atas Dana & Rezab Kerajaan	0.17	0.12	0.09	0.14	0.04
Margin Keuntungan Bersih	35.34	24.76	23.88	31.85	11.29
Modal Kerja	364,819,819	366,479,489	251,573,898	167,138,104	109,163,823





# PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT


Laporan Ketua Audit Negara

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga  
Pengarah

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang  
Bertanggungjawab ke atas Pengurusan  
Kewangan Universiti Malaysia Kelantan

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan  
dan Kumpulan





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 06 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Kelantan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Kelantan dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

### Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3.1(a) kepada penyata kewangan, Universiti Malaysia Kelantan telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ni.



**ZIRAWATI BINTI KADIR**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
19 JUN 2017



## PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN dan PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....  
NAMA : **Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama  
Piah bin Che Othman**

GELARAN : PENERUSI LEMBAGA

TARIKH : **08 JUN 2017**

TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,



.....  
NAMA : **Prof. Dato' Dr. Mortaza  
bin Mohamed**

GELARAN : NAIB CANSOLOR

TARIKH : **08 JUN 2017**

TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya JUNAIDAH BINTI BADAR, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh Penama di atas  
di (tempat).....*MELAKA*.....  
pada .....*8 JUN 2017*.....

)   
) .....  
) JUNAIDAH BINTI BADAR  
) No. K/P : 740312-01-6700

Di hadapan saya,

  
No: M 084  
Name: SHAHRIZAH  
BINTI YAHYA  
PESURUHJAYA SUMPAH  
  
No. 81-1, Jalan Melaka Raya 25,  
Taman Melaka Raya,  
75000 Melaka.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2016	2015 (Dinyatakan semula)	2016	2015 (Dinyatakan semula)
		RM	RM	RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa:</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	4	320,444,931	291,182,982	285,967,315	256,765,040
Projek dalam kemajuan	5	121,945,836	82,143,670	121,945,836	82,143,670
Pelaburan dalam anak syarikat	6	-	-	1,500,000	1,499,998
Pinjaman kakitangan	7	200,132	258,855	200,132	258,855
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>442,590,899</b>	<b>373,585,507</b>	<b>409,613,283</b>	<b>340,667,563</b>
<b>Aset Semasa:</b>					
Inventori	8	1,260	1,260	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	9	6,448,680	5,989,675	7,727,972	9,382,860
Deposit dan prabayar	10	6,480,549	3,335,193	8,391,250	8,366,711
Tunai dan kesetaraan tunai	11	365,022,270	364,482,603	359,438,821	355,178,803
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>377,952,759</b>	<b>373,808,731</b>	<b>375,558,043</b>	<b>372,928,374</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>820,543,658</b>	<b>747,394,238</b>	<b>785,171,326</b>	<b>713,595,937</b>
<b>Ekuiti:</b>					
Kumpulan wang mengurus	12	226,144,928	186,320,472	199,564,821	170,605,677
Kumpulan wang pembangunan	13	343,908,456	273,864,799	343,908,456	273,864,799
Kumpulan wang penyelidikan	14	339,221	211,264	339,221	211,264
Kumpulan wang amanah	15	69,400,713	62,092,693	70,741,917	65,090,893
Kumpulan wang pinjaman	16	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Kerugian terkumpul anak syarikat	17	(19,209,846)	(10,974,593)	-	-
		627,583,472	518,514,635	621,554,415	516,772,633
Kepentingan minoriti		-	2	-	-
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>627,583,472</b>	<b>518,514,637</b>	<b>621,554,415</b>	<b>516,772,633</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>					
Manfaat pekerja	18	3,309,088	2,817,001	3,309,088	2,817,001
Pinjaman	19	15,423,886	20,123,923	-	-
Pinjaman sewa beli	20	116,080	-	-	-
Liabiliti cukai tertunda	21	6,406,973	6,835,106	-	-
Pendapatan tertunda	22	149,577,594	187,557,418	149,569,599	187,557,418
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>174,833,621</b>	<b>217,333,448</b>	<b>152,878,687</b>	<b>190,374,419</b>
<b>Liabiliti Semasa:</b>					
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	23	2,373,712	170,712	1,430,698	30,508
Deposit dan terakru	24	8,331,118	5,158,651	8,265,612	5,148,910
Manfaat pekerja	18	1,041,914	1,269,467	1,041,914	1,269,467
Pinjaman	19	4,716,610	4,716,610	-	-
Pinjaman sewa beli	20	32,400	-	-	-
Peruntukan cukai		1,630,811	230,713	-	-
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>18,126,565</b>	<b>11,546,153</b>	<b>10,738,224</b>	<b>6,448,885</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>192,960,186</b>	<b>228,879,601</b>	<b>163,616,911</b>	<b>196,823,304</b>
<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>		<b>820,543,658</b>	<b>747,394,238</b>	<b>785,171,326</b>	<b>713,595,937</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2016 RM	2015 (Dinyatakan semula) RM	2016 RM	2015 (Dinyatakan semula) RM
<b>Pendapatan:</b>					
Pemberian kerajaan	25	242,608,001	193,303,664	242,615,996	193,303,664
Yuran pelajar	26	35,277,392	32,980,892	35,277,392	32,980,892
Pendapatan lain	27	20,094,213	16,030,519	19,496,699	19,098,415
Jumlah pendapatan		<u>297,979,606</u>	<u>242,315,075</u>	<u>297,390,087</u>	<u>245,382,971</u>
<b>Perbelanjaan:</b>					
Emolumen		54,388,871	48,312,670	54,440,964	48,310,487
Perkhidmatan dan bekalan		103,066,571	103,606,983	107,430,323	109,921,395
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap		5,934,611	9,150,918	8,138,671	9,144,918
Perbelanjaan lain		7,636,792	5,039,681	6,298,738	3,083,832
Susutnilai tahunan		16,717,518	14,753,082	15,974,442	14,160,707
Jumlah perbelanjaan		<u>187,744,363</u>	<u>180,863,334</u>	<u>192,283,138</u>	<u>184,621,339</u>
<b>Lebihan sebelum cukai</b>		110,235,243	61,451,741	105,106,949	60,761,632
<b>Cukai</b>	28	(1,854,525)	(414,543)	-	-
<b>Lebihan bagi tahun</b>		<u>108,380,718</u>	<u>61,037,198</u>	<u>105,106,949</u>	<u>60,761,632</u>
<b>Lebihan bagi tahun diagihkan kepada:</b>					
Pemilik entiti yang mengawal		108,380,718	61,037,198	105,106,949	60,761,632
Kepentingan minoriti		-	-	-	-
		<u>108,380,718</u>	<u>61,037,198</u>	<u>105,106,949</u>	<u>60,761,632</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Kumpulan – 31 Disember 2016

	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal							
	Kumpulan wang				Kerugian			
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	Jumlah ekuiti RM
Baki pada 31 Disember 2015	186,320,472	442,946,274	15,433,317	65,346,583	7,000,000	(10,974,593)	2	706,072,055
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	-	(169,081,475)	(15,222,053)	(3,253,890)	-	-	-	(187,557,418)
- Kesan menerima pakai MPERS (Nota 3.1 (a))	186,320,472	273,864,799	211,264	62,092,693	7,000,000	(10,974,593)	2	518,514,637
- Pelarasan tahun lepas	759,501	-	(56,180)	31,249	-	(46,451)	-	688,119
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	187,079,973	273,864,799	155,084	62,123,942	7,000,000	(11,021,044)	2	519,202,756
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	(2)	(2)
Lebihan bagi tahun	39,064,955	70,043,657	184,137	7,276,771	-	(8,188,802)	-	108,380,718
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2016</b>	<b>226,144,928</b>	<b>343,908,456</b>	<b>339,221</b>	<b>69,400,713</b>	<b>7,000,000</b>	<b>(19,209,846)</b>	<b>-</b>	<b>627,583,472</b>
Baki pada 31 Disember 2014	157,731,649	322,491,303	15,933,159	56,081,498	7,000,000	(6,545,124)	2	552,692,487
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	-	(78,431,283)	(15,701,185)	(983,247)	-	-	-	(95,115,715)
- Kesan menerima pakai MPERS (Nota 3.1 (a))	157,731,649	244,060,020	231,974	55,098,251	7,000,000	(6,545,124)	2	457,576,772
- Pelarasan tahun lepas	(833,818)	(68,896)	246,421	556,960	-	-	-	(99,333)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2015	156,897,831	243,991,124	478,395	55,655,211	7,000,000	(6,545,124)	2	457,477,439
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan bagi tahun	29,422,641	29,873,675	(267,131)	6,437,482	-	(4,429,469)	-	61,037,198
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2015</b>	<b>186,320,472</b>	<b>273,864,799</b>	<b>211,264</b>	<b>62,092,693</b>	<b>7,000,000</b>	<b>(10,974,593)</b>	<b>2</b>	<b>518,514,637</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Universiti – 31 Disember 2016

	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal							Jumlah ekuiti RM
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Amanah RM	Pinjaman RM	Kerugian terkumpul anak syarikat RM	Kepentingan minoriti RM	
Baki pada 31 Disember 2015	170,605,677	442,946,274	15,433,317	68,344,783	7,000,000	-	-	704,330,051
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	-	(169,081,475)	(15,222,053)	(3,253,890)	-	-	-	(187,557,418)
- Kesan menerima pakai MPERS (Nota 3.1 (a))	170,605,677	273,864,799	211,264	65,090,893	7,000,000	-	-	516,772,633
- Pelarasan tahun lepas	(300,236)	-	(56,180)	31,249	-	-	-	(325,167)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	170,305,441	273,864,799	155,084	65,122,142	7,000,000	-	-	516,447,466
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan bagi tahun	29,259,380	70,043,657	184,137	5,619,775	-	-	-	105,106,949
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2016	<b>199,564,821</b>	<b>343,908,456</b>	<b>339,221</b>	<b>70,741,917</b>	<b>7,000,000</b>	-	-	<b>621,554,415</b>
Baki pada 31 Disember 2014	149,720,089	322,491,303	15,933,159	56,081,498	7,000,000	-	-	551,226,049
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini	-	(78,431,283)	(15,701,185)	(983,247)	-	-	-	(95,115,715)
- Kesan menerima pakai MPERS (Nota 3.1 (a))	149,720,089	244,060,020	231,974	55,098,251	7,000,000	-	-	456,110,334
- Pelarasan tahun lepas	(833,818)	(68,896)	246,421	556,960	-	-	-	(99,333)
Seperti dinyatakan semula pada 1 Januari 2015	148,886,271	243,991,124	478,395	55,655,211	7,000,000	-	-	456,011,001
<b>Perubahan dalam Ekuiti</b>								
Perolehan saham	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebihan bagi tahun	21,719,406	29,873,675	(267,131)	9,435,682	-	-	-	60,761,632
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2015	<b>170,605,677</b>	<b>273,864,799</b>	<b>211,264</b>	<b>65,090,893</b>	<b>7,000,000</b>	-	-	<b>516,772,633</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2016	2015 (Dinyatakan semula)	2016	2015 (Dinyatakan semula)
	RM	RM	RM	RM
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi</b>				
Lebih pendapatan sebelum cukai	110,235,243	61,451,741	105,106,949	60,761,632
Pelarasan untuk:				
Susutnilai tahunan	16,717,518	14,753,082	15,974,442	14,160,707
Peruntukan hutang ragu	19,098	107,861	19,098	107,861
Peruntukan manfaat pekerja	1,825,650	1,465,689	1,825,650	1,465,689
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	1,264	-	1,264	-
Pelarasan projek dalam kemajuan				
tahun lepas ke perbelanjaan tahun semasa	117,509	72,140	117,509	72,140
Geran pembangunan dilunaskan	(88,853,081)	(39,456,704)	(88,853,081)	(39,456,704)
Geran penyelidikan dilunaskan	(5,042,726)	(4,518,787)	(5,050,721)	(4,518,787)
Geran amanah dilunaskan	(882,868)	(260,857)	(882,868)	(260,857)
Pelarasan hasil dan perbelanjaan tahun lepas	817,001	-	(242,736)	-
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	179,185	404,907	179,185	404,907
Cukai dibayar	(882,561)	168,529	-	-
Faedah pinjaman	1,276,171	1,903,373	-	-
<b>Lebih Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>35,527,403</b>	<b>36,090,974</b>	<b>28,194,691</b>	<b>32,736,588</b>
<u>(Tambahan)/Kurangan dalam</u>				
Inventori	-	1,260	-	-
Penghutang dan pelbagai penghutang	(521,210)	1,107,420	1,639,134	(2,441,217)
Deposit dan prabayar	(3,181,269)	2,745,349	(60,452)	(3,023,133)
<u>Tambahan/(Kurangan) dalam</u>				
Pemiutang dan pelbagai pemiutang	2,203,000	(9,809,605)	1,400,190	(8,301,228)
Deposit dan terakru	3,181,527	(2,807,372)	3,125,762	1,613,238
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>37,209,451</b>	<b>27,328,026</b>	<b>34,299,325</b>	<b>20,584,248</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan</b>				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(18,938,933)	(10,215,281)	(18,136,183)	(9,928,880)
Hasil atas jualan hartanah, loji dan peralatan	1,032	-	1,032	-
Perolehan saham	(2)	-	(2)	-
Projek dalam kemajuan	(67,141,690)	(45,638,132)	(67,141,690)	(45,638,132)
<b>Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(86,079,593)</b>	<b>(55,853,413)</b>	<b>(85,276,843)</b>	<b>(55,567,012)</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan</b>				
Geran pembangunan diterima	53,515,000	130,038,000	53,515,000	130,038,000
Geran penyelidikan diterima	3,168,851	4,039,655	3,168,851	4,039,655
Geran amanah diterima	115,000	2,531,500	115,000	2,531,500
Pembayaran manfaat pekerja	(1,561,315)	(422,950)	(1,561,315)	(422,950)
Bayaran ansuran pembiayaan	(5,827,727)	(4,409,976)	-	-
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>49,409,809</b>	<b>131,776,229</b>	<b>55,237,536</b>	<b>136,186,205</b>
<b>Tambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>539,667</b>	<b>103,250,842</b>	<b>4,260,018</b>	<b>101,203,441</b>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	364,482,603	261,231,761	355,178,803	253,975,362
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<b>365,022,270</b>	<b>364,482,603</b>	<b>359,438,821</b>	<b>355,178,803</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA**

**(a) Penubuhan**

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

**(b) Aktiviti Utama**

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

**(c) Bilangan Staf**

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2016 adalah seramai 1,260 orang (2015 : 1,209 orang) yang terdiri daripada staf tetap/pinjaman seramai 770 orang (2015 : 686 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 490 orang (2015 : 523 orang).

**(d) Bilangan Pelajar**

Pengambilan pelajar bagi sesi 2016/2017 adalah seramai 2,051 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 9,781 orang (2015 : 9,731 orang).

**(e) Mata Wang Pembentangan dan Fungsian**

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**(f) Pembentangan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 23 Februari 2017. Walau bagaimanapun, Penyata Kewangan ini telah dipinda dengan mengambil kira beberapa pelarasan yang perlu dibuat bagi pematuhan kepada piawaian MPERS melalui keputusan Mesyuarat *Exit Conference* pada 25 April 2017. Penyata Kewangan ini telah dibentangkan semula kepada Lembaga Pengarah Universiti pada 01 Jun 2017.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Instrumen kewangan Kumpulan dan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada Kumpulan dan Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

**(a) Risiko Kadar Faedah**

Kumpulan memperoleh kemudahan kewangan melalui kemudahan kredit yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan. Lebihan dana ditempatkan di institusi kewangan yang bereputasi dengan kadar faedah yang bersesuaian. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

**(b) Risiko Pasaran**

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran yang timbul akibat daripada perubahan-perubahan dalam harga ekuiti tersiar. Kumpulan tidak menggunakan instrumen derivatif untuk mengawal ekuiti tersiar.

**(c) Risiko Kredit**

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

**(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai**

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Kumpulan dan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal (sejarah) dan menurut Piawaian Perakaunan diluluskan dan dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian.

Pada 14 Februari 2014, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia telah menetapkan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) boleh diterima pakai oleh entiti persendirian yang tidak dikehendaki untuk menyerahkan Penyata Kewangan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC), atau Bank Negara Malaysia (BNM); dan bukan anak syarikat atau syarikat bersekutu kepada entiti yang dikehendaki menyerahkan Penyata Kewangan kepada SC atau BNM. MPERS hendaklah diterima pakai sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2016.

Kementerian Kewangan Malaysia telah memutuskan supaya Badan Berkanun Persekutuan (BBP) menerima pakai piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh MASB atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya seperti berikut:

- (i) Bagi BBP yang telah menerima pakai *Financial Reporting Standards* (FRS) atau *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), BBP tersebut hendaklah terus menerima pakai MFRS yang diterbitkan oleh MASB;
- (ii) Bagi BBP yang telah mula menerima pakai *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS), BBP tersebut terus menerima pakai MPERS yang diterbitkan oleh MASB;
- (iii) Bagi BBP yang selama ini menerima pakai *Private Entities Reporting Standards* (PERS) atau mana-mana piawaian perakaunan lain, BBP tersebut hendaklah menerima pakai MPERS yang diterbitkan oleh MASB; atau
- (iv) Bagi BBP yang bersedia menerima pakai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS), BBP tersebut boleh menerima pakai MPSAS yang diterbitkan oleh JANM dengan syarat mendapat kelulusan daripada JANM.

Keputusan ini menggantikan perenggan 3 dan 8 dalam 1Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1.

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)**

**3.1 Asas Penyediaan (Samb.)**

**(a) Pernyataan Pematuhan (Samb.)**

Selaras dengan ketetapan yang telah dibuat oleh MASB dan Kementerian Kewangan Malaysia, Kumpulan dan Universiti memilih untuk menerima pakai rangka kerja MPERS bagi menggantikan PERS bagi tahun kewangan mulai pada 1 Januari 2016. Apabila Kumpulan dan Universiti membentangkan penyata kewangan MPERS kali pertama pada 1 Januari 2016, Kumpulan dan Universiti dikehendaki menyatakan semula penyata kewangan perbandingan bagi menunjukkan kesan menerima pakai rangka kerja MPERS. Pelarasan semasa peralihan perlu dibuat secara retrospektif ke atas baki mula keuntungan terkumpul.

Walau bagaimanapun, pemilihan menerima pakai rangka kerja MPERS tidak memberi kesan yang signifikan kepada penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Universiti selain daripada yang dinyatakan.

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan Universiti dalam penyata kewangan ini adalah konsisten dengan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Walau bagaimanapun, pematuhan kepada MPERS memerlukan Kumpulan dan Universiti membuat perubahan kepada polisi perakaunan berkenaan pengiktirafan geran kerajaan. Seksyen 24 MPERS berkaitan Geran Kerajaan menyatakan Kumpulan dan Universiti perlu mengiktiraf geran kerajaan sebagai pendapatan dalam Penyata Pendapatan apabila syarat terhadap geran tersebut telah dipenuhi. Jika syarat yang dikenakan terhadap geran tersebut belum dipenuhi, amaun geran yang diterima perlu dinyatakan sebagai geran tertunda dan diiktiraf sebagai liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Kesan daripada pematuhan MPERS kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah sebagaimana berikut:

**(i) Penyesuaian Ekuiti**

Dalam Penyata Kewangan tahun lepas, Kumpulan mengiktiraf geran kerajaan untuk Kumpulan Wang Pembangunan sebagai geran kerajaan tertunda dalam ekuiti dan dilunaskan sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut belanja susut nilai dan belanja operasi yang tidak dipermodalkan. Manakala semua geran kerajaan yang diterima dalam tahun semasa untuk Kumpulan Wang Penyelidikan dan Amanah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan. Selepas menerima pakai rangka kerja MPERS, Kumpulan mengiktiraf geran kerajaan untuk Kumpulan Wang Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah sebagai pendapatan tertunda dalam liabiliti dan dilunaskan sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan setakat jumlah yang dibelanjakan dalam tahun semasa termasuklah perbelanjaan hartanah, loji dan peralatan serta projek dalam kemajuan.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(a) Pernyataan Pematuhan (Samb.)

(i) Penyesuaian Ekuiti (Samb.)

	Kumpulan		
	1 Januari 2015 (PERS) RM	Pelarasan MPERS RM	1 Januari 2015 (MPERS) RM
<b>Ekuiti:</b>			
Kumpulan Wang Pembangunan	322,491,303	(78,431,283)	244,060,020
Kumpulan Wang Penyelidikan	15,933,159	(15,701,185)	231,974
Kumpulan Wang Amanah	56,081,498	(983,247)	55,098,251
<b>Kurangan Dalam Ekuiti</b>	<b>394,505,960</b>	<b>(95,115,715)</b>	<b>299,390,245</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>			
Pendapatan Tertunda	-	95,115,715	95,115,715
<b>Tambahan Dalam Liabiliti</b>	<b>-</b>	<b>95,115,715</b>	<b>95,115,715</b>

	Kumpulan		
	31 Disember 2015 (PERS) RM	Pelarasan MPERS RM	31 Disember 2015 (MPERS) RM
<b>Ekuiti:</b>			
Kumpulan Wang Pembangunan	442,946,274	(169,081,475)	273,864,799
Kumpulan Wang Penyelidikan	15,433,317	(15,222,053)	211,264
Kumpulan Wang Amanah	65,346,583	(3,253,890)	62,092,693
<b>Kurangan Dalam Ekuiti</b>	<b>523,726,174</b>	<b>(187,557,418)</b>	<b>336,168,756</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>			
Pendapatan Tertunda	-	187,557,418	187,557,418
<b>Tambahan Dalam Liabiliti</b>	<b>-</b>	<b>187,557,418</b>	<b>187,557,418</b>

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(a) Pernyataan Pematuhan (Samb.)

(i) Penyesuaian Ekuiti (Samb.)

	Universiti		
	1 Januari 2015 (PERS) RM	Pelarasan MPERS RM	1 Januari 2015 (MPERS) RM
<b>Ekuiti:</b>			
Kumpulan Wang Pembangunan	322,491,303	(78,431,283)	244,060,020
Kumpulan Wang Penyelidikan	15,933,159	(15,701,185)	231,974
Kumpulan Wang Amanah	56,081,498	(983,247)	55,098,251
<b>Kurangan Dalam Ekuiti</b>	<b>394,505,960</b>	<b>(95,115,715)</b>	<b>299,390,245</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>			
Pendapatan Tertunda	-	95,115,715	95,115,715
<b>Tambahan Dalam Liabiliti</b>	<b>-</b>	<b>95,115,715</b>	<b>95,115,715</b>

	Universiti		
	31 Disember 2015 (PERS) RM	Pelarasan MPERS RM	31 Disember 2015 (MPERS) RM
<b>Ekuiti:</b>			
Kumpulan Wang Pembangunan	442,946,274	(169,081,475)	273,864,799
Kumpulan Wang Penyelidikan	15,433,317	(15,222,053)	211,264
Kumpulan Wang Amanah	68,344,783	(3,253,890)	65,090,893
<b>Kurangan Dalam Ekuiti</b>	<b>526,724,374</b>	<b>(187,557,418)</b>	<b>339,166,956</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>			
Pendapatan Tertunda	-	187,557,418	187,557,418
<b>Tambahan Dalam Liabiliti</b>	<b>-</b>	<b>187,557,418</b>	<b>187,557,418</b>

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(a) Pernyataan Pematuhan (Samb.)

(ii) Penyesuaian Penyata Pendapatan

	Kumpulan		
	31 Disember 2015	Pelarasan	31 Disember 2015
	(PERS)	MPERS	(MPERS)
	RM	RM	RM
Pemberian kerajaan	165,359,844	27,943,820	193,303,664
Yuran pelajar	32,980,892	-	32,980,892
Pendapatan lain	16,030,519	-	16,030,519
Jumlah pendapatan	<b>214,371,255</b>	<b>27,943,820</b>	<b>242,315,075</b>
Jumlah Perbelanjaan	<b>(180,863,334)</b>	-	<b>(180,863,334)</b>
<b>Lebihan sebelum cukai</b>	<b>33,507,921</b>	<b>27,943,820</b>	<b>61,451,741</b>
<b>Cukai</b>	<b>(414,543)</b>	-	<b>(414,543)</b>
<b>Lebihan bagi tahun</b>	<b>33,093,378</b>	<b>27,943,820</b>	<b>61,037,198</b>
<b>Jumlah lebihan bagi tahun diagihkan kepada:</b>			
Pemilik entiti yang mengawal	33,093,378	27,943,820	61,037,198
Kepentingan minoriti	-	-	-
	<b>33,093,378</b>	<b>27,943,820</b>	<b>61,037,198</b>

	Universiti		
	31 Disember 2015	Pelarasan	31 Disember 2015
	(PERS)	MPERS	(MPERS)
	RM	RM	RM
Pemberian kerajaan	165,359,844	27,943,820	193,303,664
Yuran pelajar	32,980,892	-	32,980,892
Pendapatan lain	19,098,415	-	19,098,415
Jumlah pendapatan	<b>217,439,151</b>	<b>27,943,820</b>	<b>245,382,971</b>
Jumlah Perbelanjaan	<b>(184,621,339)</b>	-	<b>(184,621,339)</b>
<b>Lebihan bagi tahun</b>	<b>32,817,812</b>	<b>27,943,820</b>	<b>60,761,632</b>

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3. DASAR-DASAR UTAMA PERAKAUNAN (SAMB.)

3.1 Asas Penyediaan (Samb.)

(a) Pernyataan Pematuhan (Samb.)

(ii) Penyesuaian Penyata Pendapatan (Samb.)

	Universiti (Samb.)		
	31 Disember 2015	Pelarasan	31 Disember 2015
	(PERS)	MPERS	(MPERS)
	RM	RM	RM
<b>Jumlah lebihan bagi tahun diagihkan kepada:</b>			
Pemilik entiti yang mengawal	32,817,812	27,943,820	60,761,632
Kepentingan minoriti	-	-	-
	<b>32,817,812</b>	<b>27,943,820</b>	<b>60,761,632</b>

(b) Piawaian yang Dikeluarkan Tapi Belum Berkuat Kuasa

Pada Oktober 2015, MASB telah meluluskan pindaan kepada MPERS yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017 dengan pemakaian awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Universiti tidak menerima pakai awal pindaan kepada MPERS <sup>(2015)</sup>.

3.2 Ringkasan Dasar-Dasar Utama Perakaunan

(a) Asas Penyatuan Akaun

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua baki, urusanniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusanniaga dalam Kumpulan telah dihapus kira sepenuhnya semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusanniaga luaran sahaja.

(b) Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktivitiinya. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai, jika ada.

50.	Prime Entrepreneurial Lecture Series Bil.4/2016 (PELS) SAR - Datuk Ab Wahab bin Khalil Bekas Pengurus Besar Perwira Negara Malaysia (PERNAMA)	400	28 Nov 2016 Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota	FKP
51.	CEO @ Faculty - Sistem Francais: Perspektif McDonald's Malaysia. En. Wan Mohd Zam bin Wan Embong, Ahli Lembaga Pengarah Golden Arches Restaurants Sdn. Bhd., McDonald's Malaysia	400	29 Nov 2016 Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota	FKP/ FHPK
52.	Prime Entrepreneurial Lecture Series Bil.5/2016 (PELS) SAW - Seminar Kesihatan; Ustaz Sheikh Mohamed Zaki bin Itam, Pengarah Urusan , Pusat Perubatan Tradisional As Syifa & pusat Perubatan Qalam Laduni. Tajuk: Falsafah Perubatan Tradisional: Keajaiban Bekam Lintah Dalam Perubatan.	400	30 Nov 2016 Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota	FKP/ FHPK
53.	Prime Entrepreneurial Lecture Series Bil.5/2016 - SAB, Puan Jafidah binti Isahak, Pengurus Agensi, Public Mutual Berhad	100	1 Dis 2016 UMK Kampus Kota	FKP
54.	Lawatan Syarikat Siswa Universiti ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia	40	6 Dis 2016 SSM Kuala Lumpur	UMKEI
55.	Tadika Perintis Aulad by BeeHive	-	1 Jan 2016 UMK Kampus Bachok	GERIC
56.	Young Southeast Asian Leaders Initiative (YSEALI) Digital Speaker Series	-	4 Ogs 2016 UMK Kampus Kota	GERIC
57.	Social Entrepreneurship, Leadership and Team Building	-	12 & 14 Mei 2016 Sg. Galas, Jeli	GERIC
58.	1 Malaysian Entrepreneurs (1MET)	-	22 & 23 Okt 2016	GERIC
59.	Social Innovation Talk and Crowd Funding workshop by Chris Blauvelt Abdur Rahman	-	6 & 7 Apr 2016 UMK Kampus Kota	GERIC

Bil.	Nama Program	Peserta	Tarikh/Tempat	Ptj
60.	Social Innovation Business Module Development Beehive@UMK	-	18 May 2016 Hotel Perdana, Kota Bharu	GERIC
61.	Pink Walk		23 Apr 2016	GERIC

Rumusan Pencapaian KPI Pelan Tindakan Keusahawanan

Bil.	Mekanisme Pengukuran	Takrifan Operasi (OD)	Sasaran 2016	Pencapaian 31 Dis 2016
1	Peratusan pelajar IPT mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian	Aktiviti pendedahan/ pembudayaan keusahawanan yang berstruktur terkandung dalam kurikulum dan ko-kurikulum	70% (6,300 orang)	100% (8,967 orang)
2	Peratusan lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	Bilangan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan/ perniagaan dalam tempoh enam (6) hingga 12 bulan selepas tamat pengajian.	3% (50 orang)	2.7% (46 orang)
3.	Peratusan pelajar IPT menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian	Bilangan pelajar IPT yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian di dalam atau luar kampus atau atas talian berterusan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan / 1 semester.	4% (360 orang pelajar)	3.5% (328 orang pelajar)
4.	Bilangan tenaga pengajar dalaman dan luaran yang mempunyai kepakaran keusahawanan dan membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar.	Tenaga pengajar / pembimbing keusahawanan IPT warganegara Malaysia. Antara kriteria kepakaran yang boleh di ambil kira ialah: 1. Persijilan & pengiktirafan: i. Mempunyai kelulusan PhD dalam keusahawanan; atau ii. Mendapat pengiktirafan/ pensijilan profesional keusahawanan/ perniagaan daripada institusi bertauliah nasional dan antarabangsa seperti KPT, AKEPT, Cambridge Judge Business School, Harvard University, MIT, Stanford USA etc; atau iii. Telah menjalani program sangkutan atau penempatan silang di industri/ PKS lebih daripada 2 bulan 2. Sumbangan : i. Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar; atau ii. Membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan PKS/ komuniti.	20	18 orang


# PENYELIDIKAN & INOVASI

Secara umum, pencapaian Penyelidikan dan Inovasi pada Tahun 2016 masih dikategorikan sederhana walaupun ianya jauh lebih baik daripada Tahun 2015 dan sebelumnya. Pada tahun 2015, UMK memperoleh satu (1) bintang dalam penilaian Penyelidikan atau MyRA. Dalam masa yang sama, UMK telah berjaya memperoleh 3 geran besar yang terdiri dari Geran Penyelidikan Erasmus+ dari Kesatuan Eropah, Geran Penyelidikan TRGS dan Geran Penyelidikan PRGS. Pencapaian lain yang juga penting adalah kejayaan menubuhkan Pusat Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) yang terbit daripada hasil pencapaian Kluster Penyelidikan Jaminan Makanan dan Kesejahteraan, pusat penyelidikan ke 3 bagi UMK. Sesuatu yang istimewa tentang pencapaian UMK pada tahun 2016 adalah penglibatan dengan pihak industri yang sangat cemerlang. Ini telah dijayakan dengan baik melalui pengukuhan Majlis AGE (Action Group for Entrepreneurship). Sehingga kini Universiti terlibat dengan 10 syarikat gergasi negara sebagai ahli Majlis AGE dengan disokong oleh 61 industri lain pada peringkat Fakulti/ PTj.

Pada tahun 2016 juga Universiti telah berjaya menandatangani MOU/MoA dengan lapan (8) industri luar termasuklah Majlis AGE. Penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu daripada fungsi asas sesebuah universiti kerana penyelidikan yang berupaya untuk menghasilkan harta intelek, mencipta kemajuan teknologi baharu dan menjana inovasi berasaskan hasil penemuan pengetahuan/ saintifik baharu. Inovasi yang dihasilkan akan menjadi titik tolak kepada usaha pengkomersialan dan penubuhan syarikat. Walau bagaimanapun, langkah paling penting yang perlu diambil oleh UMK ialah untuk membentuk minda dan daya pemikiran berteraskan penyelidikan yang betul di kalangan staf-staf akademik melalui pembudayaan penyelidikan yang baik. Bagi membudayakan komponen tersebut dalam kalangan staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak universiti sama ada di peringkat pusat mahupun fakulti. Pada tahun 2016, UMK berjaya memperoleh 81 geran penyelidikan daripada sumber dalaman dan luaran dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 3,973,486.00 iaitu mencatat penurunan sebanyak 14.66 peratus berbanding pencapaian pada tahun 2015. Penurunan ini adalah disebabkan kekurangan peruntukkan dari sumber dalaman dan luar.

Pembiaya	Skim	Bilangan	Jumlah (RM)
UMK	Skim Geran Jangka Pendek (SGJP)	37	400,000.00
	Skim Geran Penyelidikan Lanjutan - Myra	19	303,150.00
<b>Jumlah</b>		<b>56</b>	<b>703,150.00</b>
Kerajaan	Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	17	1,387,994.00
	Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)	1	230,000.00
	Public Private Research Network (PPRN)	4	132,342.00
	Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)	1	750,000.00
	Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Pinang	1	20,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>24</b>	<b>2,520,336.00</b>
Antarabangsa	Kesatuan Eropah Erasmus	1	750,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>750,000.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>3,973,486.00</b>

Jadual 37: Geran penyelidikan yang diterima oleh UMK pada tahun 2016




Carta 12: Sumber Dana Penyelidikan

## DANA PENYELIDIKAN LUAR

Pada tahun 2016, UMK telah mencatatkan peningkatan dalam penerimaan dana penyelidikan antarabangsa dan swasta berbanding pada empat tahun sebelumnya. Peruntukan penyelidikan antarabangsa yang diperolehi oleh UMK pada tahun 2016 adalah sebanyak RM 750,000.00 iaitu peningkatan sebanyak 64.48 peratus berbanding pencapaian pada tahun 2015 iaitu RM 455,993.80. Peningkatan ini adalah kerana UMK menerima dana antarabangsa iaitu Geran Penyelidikan Erasmus+ dari Kesatuan Eropah.

## PENULISAN ILMIAH PENERBITAN DALAM JURNAL BERINDEKS

Pada tahun 2016, UMK telah menerbitkan sebanyak 154 penulisan ilmiah dalam jurnal berindeks oleh Scopus dan Web of Knowledge (ISI/SSCI) dalam pelbagai kategori penerbitan iaitu peningkatan sebanyak lima (5) peratus berbanding pencapaian pada tahun 2015.




Rajah 15: Bilangan penerbitan Universiti dalam jurnal berimpak

## HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSIALAN

Dalam tahun 2016, UMK telah menerima sebanyak 29 permohonan pemfailan harta intelek dan sebanyak lima (17%) produk telah diluluskan untuk memohon, 24 produk tidak berjaya kerana beberapa perkara seperti perlu ditambahbaik, penyelidik tidak menghadiri pembentangan dan lain-lain. Secara keseluruhannya, 21 harta intelek telah didaftarkan sepanjang tahun 2012 hingga 2016. UMK telah mengambil inisiatif dimana mengadakan bengkel kesedaran harta intelek, menggalakkan penyelidikan yang menghasilkan output penyelidikan dan lain-lain untuk meningkatkan pendaftaran harta intelek dimasa-masa hadapan. Perincian pendaftaran harta intelek mengikut fakulti dan bentuk harta intelek dari tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di rajah 16.

Pada tahun 2016, UMK telah berjaya mengkomersialkan dua produk/ teknologi penyelidikan. Hasil produk/ teknologi penyelidikan ini adalah daripada FIAT dimana pengkomersialan teknologi penghasilan pokok pisang dan makanan ikan telah dikomersialkan. Komitmen dan usahasama fakulti bersama syarikat pelajar telah berjaya dalam melaksanakan aktiviti ini. Jadual 38 menunjukkan maklumat ringkas aktiviti pengkomersialan yang dijalankan.



Rajah 16: Pecahan Pendaftaran Harta Intelek dari Tahun 2012 hingga 2016

No.	Nama Pensyarah	Fakulti	Produk/Teknologi	Nilai (RM)
1.	Dr Fatimah Binti Changgok @ Kayat	Fakulti Industri Asas Tani	Ladang dan nurseri pisang berasaskan teknologi pengkulturan tisu	RM 180,000.00
2.	Dr Lee Seong Wei	Fakulti Industri Asas Tani	Pengeluaran makanan ikan berkos efektif jenama Primek	RM 150,000.00

Jadual 38: Aktiviti Pengkomersialan Dalam Tahun 2016

## PERUNDINGAN


Bagi projek perundingan, projek yang dijalankan ialah Program Pembangunan Latihan Keusahawanan Berprestasi Tinggi Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Kelantan. Projek ini diketuai oleh Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim dan dibantu oleh Dr. Nor Hakimin bin Yusof dari Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME). Program yang dijalankan adalah Program Latihan Pembangunan untuk Staf PI1M di seluruh Kelantan. Jumlah perundingan yang terlibat adalah RM 576,000.00. Program ini berlangsung selama dua (2) tahun pihak industri.

## PENJANAAN PENDAPATAN

UMK telah menerima sejumlah RM 1,914,975.52 sepanjang tahun 2016. Pendapatan yang dijana oleh pusat tanggungjawab/ fakulti ini diperolehi melalui pelbagai sumber seperti penganjuran seminar/ persidangan, yuran pascasiswazah dan lain-lain.

## ANUGERAH PENYELIDIKAN

Berbanding tahun 2015, UMK telah mencatat peningkatan sebanyak 6 peratus dalam penerimaan anugerah dalam pameran dan persidangan penyelidikan yang disertai pada tahun 2016. Faktor peningkatan ini adalah kerana penyertaan yang lebih banyak di pertandingan dan pameran peringkat tempatan dan antarabangsa. Jumlah keseluruhan pingat yang dimenangi pada tahun 2016 adalah sebanyak 18 pingat bagi pelbagai kategori. Rajah 17 menunjukkan pencapaian anugerah penyelidik dari 2014 hingga 2016.



Rajah 17: Pencapaian Anugerah Penyelidikan

Bil.	Nama Penyelidik	Nama Produk	Anugerah/ Pingat	Nama Program/Pameran	Fakulti
1	Seri Intan Binti Mokhtar, Mohammad Amizi Ayob, & Faznira Zakaria	Nefeli Natural Tropical Fruit Vinegars	Emas	2nd World Invention Innovation Contest 2016	FIAT
2	Dr. Azwan Bin Abdullah, Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Bin Yaacob, Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail, Dr. Mohd Nazri Bin Zakaria, Puan Siti Amaliya Mohd Radyi dan Prof. Madya Dr. Zulhamri Bin Abdullah	New Holistic Framework for Malaysian Palm Oil Companies's CSR Engagement	Emas	International Research Conference and Innovation Exhibition 2016	FKP
3	Prof. Madya Dr. Suria Binti Baba Dr. Rozidaini Binti Mohd Ghazi Mohd. Nazree Bin Abu Bakar Wan Ahmad Ridhwan Bin Wan Musa Mohd Ihsan Bazli Bin Abdullah	Sistem 'Reporting, Scaling And Scoring Student Holistic Performance, Enhancement System (ICGPA)'	Emas	International University Carnival On E-Learning	PPP
4	En. Ahamad Tarmizi Bin Azizan En. Mohammad Syukran Bin Kamal Ruzzaman	Citra Merdeka 57	Emas	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FTKW
5	Dr. Asanah Binti Radhi	Engagement With Physics	Perak	International University Carnival On E-Learning	FSB
6	Hafizie Bin Suhaimi	Innovation In Entrepreneurship Technology Video Using Various Elearning Tools	Perak	International University Carnival On E-Learning	FKP
7	En. Muhamad Ezran Bin Zainal Abdullah	Imbang	Perak	Malaysia Technology Expo 2016 (Mte 2016)	FIAT
8	Prof. Madya Dr. Palsan Sannasi Abdullah	A-Bio-C	Perak	Malaysia Technology Expo 2016 (Mte 2016)	FIAT
9	Dr. Tan Tse Guan Anuar Bin Mohd Yusof Mohammad Syukran Bin Kamal Ruzzaman Dr. Hanisa Binti Hassan Muhammad Dzulsyafiq Bin Muhammad Yusoff	Interactive Mobile Augmented Reality Applications For The Architectural Buildings & Wildlife In Malaysia	Gangsa	International University Carnival On E-Learning	FTKW
10	Dr. Mohammed Arifullah Dr. Suhaimi Bin Othman	Purple-Y Edible Colorant	Gangsa	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FIAT

11	Dr. Suhaimi Bin Othman Cik Siti Narbiha Binti Mat Jusoh	Tuber-Tech	Gangsa	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FIAT
12	En. Ahamad Tarmizi Bin Azizan	Aplikasi Mudah Alih Flood Rescue Versi 1.0 (Fres V 1.0)	Gangsa	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FTKW
13	En. Mohammad Amizi Bin Ayob	G-Tech	Gangsa	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FIAT
14	Hj. Fauzi Bin Ab. Llah	Box Bench	Gangsa	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FTKW
15	Pn. Darliana Binti Mohamad	Aestech Stool	Gangsa	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FTKW
16	En. Zulhazman Bin Hamzah	Handy-Z Spray (Injury Healing Spray)	Gangsa & Foreign Special Award	Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016)	FSB
17	Seri Intan Binti Mokhtar, Mohammad Amizi Ayob, & Faznira Zakaria	Nefeli Natural Tropical Fruit Vinegars	Anugerah Khas	2nd World Invention Innovation Contest 2016	FIAT

# PEMBANGUNAN HAL EHWAL PELAJAR

Sebagai usaha melahirkan graduan usahawan (*enterprising graduates*) dan usahawan graduan (*graduate entrepreneurs*), UMK tidak hanya menitikberatkan akademik semata-mata, tetapi turut menekankan aspek pembangunan sahsiah pelajar. Universiti sentiasa memberikan sepenuh komitmen dalam usaha menerapkan nilai dan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar selaras dengan cogan kata dan moto universiti iaitu “*Entrepreneurship is Our Thrust*”.

Aktiviti kesukarelawanan membantu membina sahsiah dan jati diri pelajar dalam kegiatan aktiviti kemasyarakatan sebagai satu proses pendidikan atau pengalaman pembelajaran, penglibatan aktif mahasiswa dalam isu-isu dan hal ehwal kemasyarakatan.

Aktiviti-aktiviti sebegini mampu menyemat perasan kasih-sayang, kerjasama, keperihatinan sosial, dan menjana modal insan yang berkualiti. Pelbagai aktiviti kesukarelawanan yang telah dijalankan di UMK sepanjang tahun 2016 termasuklah gotong-royong di kaki Gunung Stong, Baktisiswa, Majlis Berbuka Puasa dan lain-lain lagi.

Semua aktiviti dan program pembangunan pelajar dilaksanakan untuk menanam atribut keusahawanan seperti berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif, berilmu pengetahuan, kepimpinan, kemahiran keusahawanan dan kompetensi, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, beretika, pencapaian tinggi dan lain-lain.

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Penyertaan	Ulasan
<b>Teras Keusahawanan</b>				
1.	Pink Walk 2016	23/04/16	1200 Orang Pelajar	Pencapaian <i>Malaysian Book Of Record</i> , Peserta Seramai 1200 Orang Pelajar Membentuk <i>Reben Pink</i> .
2.	Pesta Konvokesyen 2016 (Pesko 2016)	22/9/2016 -27/9/2016	1300 Orang Pelajar	Menarik Penyertaan Masyarakat Luar Mengenali UMK Dan Menjana Pendapatan Kepada Penjual Luar Sebanyak RM 300 Sehari.

### Teras Kesukarelawanan

1.	Program Eksim@Stong - Gotong Royong Membersihkan Kaki Gunung Stong, Jeli	3/9/2016	130 Orang Pelajar	Aktiviti Membersihkan Kaki Gunung Stong Di Daerah Jeli Yang Melibatkan Kerjasama Dengan Pertubuhan Nadi Sihat, Jabatan Perdana Menteri Dengan Kerjasama Universiti Malaysia Kelantan.
2.	Program Mesra Siswa Perdana 2016 Di Parlimen Ketereh (MSPketereh@2016)	15/4/2016 - 19/4/2016	81 Orang Pelajar	Program Baktisiswa Ini Dianjurkan Dengan Kerjasama Parlimen Jeli Bagi Memberi Pendedahan Kepada Mahasiswa Dari Segi Hubungan Luar Dan Khidmat Komuniti.
3.	Program Baktisiswa Perdana Daerah Jeli 2016, Dato Seri Mustapha Mohamed	21/4/2016 - 23/4/2016	350 Orang Pelajar	Program Baktisiswa Bersama Parlimen Jeli Memberi Pendedahan Kepada Mahasiswa Dari Segi Hubungan Luar Dan Khidmat Komuniti.
4.	Program Iftar : Jelajah Masjid UMK Bersama Masyarakat Negeri Kelantan	10/06/2016, 12/06/2016, 23/06/2016, 24/06/2016	160 Orang Pelajar	Program Khidmat Masyarakat Yang Mengeratkan Hubungan Antara Pelajar, Staf Dan Masyarakat Setempat.
5.	Seminar Dan Misi Sukarelawan Maskum 2016 Sempena Hari Sukarelawan Sedunia	1/12/2016 - 4/12/2016	5 Orang Pelajar	Program Khidmat Sukarelawan Yang Melibatkan Semua UA Dalam Aktiviti Sukarelawan Yang Dianjurkan Dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka Dan Felda Tun Ghafar, Air Kangkong Melaka
6.	Sukarelawan Siswa YSS-Asean Ke Vietnam	10/07/2016 - 31/07/2016	1 Orang Pelajar	Program Khidmat Sukarelawan Yang Melibatkan Semua UA Dalam Aktiviti Sukarelawan Dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi.

### Teras Pengucapan Awam

1.	Persidangan Parlimen Mahasiswa UMK	14/05/16	1 Orang Pelajar	Penglibatan Mahasiswa Dalam Parlimen Daripada Segi Perbincangan Dan Pendebatan Tentang Isu-Isu Semasa Yang Berkaitan Dengan Isu Pelajar
----	------------------------------------	----------	-----------------	---

### Teras Kepimpinan

1.	Hari Kelab Dan Persatuan Bagi Kampus Bachok	3/9/2016	350 Orang Pelajar	Penyertaan Yang Memberangsangkan Daripada Semua Kelab Dan Persatuan Yang Berdaftar Di Bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar Dan Menarik Pelajar Tahun Pertama Menyertai Kelab Dan Persatuan Di UMK Dan Mengadakan Aktiviti Kepada Kelab Dan Persatuan.
----	---	----------	-------------------	--

2.	Gotong Royong Kolej Kediaman	20/05/16	300 Orang Pelajar	Aktiviti-Aktiviti Yang Dianjur Oleh JPKK Melibatkan Kesemua Pelajar Kolej Dalam Membersihkan Kawasan Kediaman Kolej Memberikan Impak Yang Besar Dalam Penglibatan Aktiviti Kolej Kediaman.
3.	Persidangan Kepimpinan Mahasiswa Nasional	24/11/16-28/11/16	1000 Orang Pelajar	Program Kepimpinan Anjuran KPT Untuk Pelajar-Pelajar Bagi Meningkatkan Tahap Kepimpinan Mahasiswa
4.	Program Student Mobility PSU (Patani)-UMK	14/09/2016 - 16/09/2016	1300 Orang Pelajar	Kerjasama Dengan Prince Of Songkhla University Untuk Program Mobiliti Pelajar Dengan Pelbagai Program Diadakan Di PSU Patani.
5.	Bengkel Pemantapan Kelab Dan Persatuan	27 Februari 2016	Semua Pelajar Dari Kampus Kota, Bachok Dan Jeli	Pendedahan Berkaitan Pengurusan Kelab/Persatuan Kepada Semua Presiden / Wakil Kelab Serta Membimbing Pelajar Menjadi Pemimpin Yang Versatile Dan Berkebolehan
6.	Dialog Mahasiswa Anjuran MPP UMK Kampus Jeli	11 Ogos 2016	55 Orang	Program Ini Membuka Laluan Kepada Pelajar Bagi Memberi Pendapat, Cadangan Serta Komen Tentang Pengurusan Aktiviti Dan Kewangan Pelajar Di Umk Kampus Jeli.
7.	Hari Terbuka Kelab/ Persatuan Dan Badan Beruniform 2016 UMK Kampus Jeli	September 2016	150 Orang	Program Tersebut Membuka Peluang Kepada Pelajar-Pelajar Baharu Kemasukan 2016/2017 Untuk Mengenali Lebih Lanjut Tentang Kelab-Kelab, Persatuan Dan Badan Beruniform Yang Wujud Di UMK Kampus Jeli Serta Mendaftar Dalam Mana-Mana Kelab/Persatuan Yang Diminati.
8.	Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2016/2017	19 Oktober 2016	15 Orang	Hasil Daripada Pemilihan Ini, Seramai 15 Orang Telah Dipilih Sebagai Wakil Pemimpin Dikalangan Pelajar UMK.
<b>Teras Kebudayaan</b>				
1.	Bengkel Rebana Kercing Makum 2016	19-22 Mei 2016	4 UA Dan 3 Buah Sekolah	Pengasas Rebana Kercing Telah Memberi Kepercayaan Penuh Kepada Bahagian Kebudayaan UMK Untuk Memelihara Kesenian Ini.
2.	Bengkel Penghayatan Seni Persembahan Mak Yong	18 April 2016	300 Orang Pelajar Tingkatan 3 Sek. Men. Beris Panchor, Bachok	Melalui Bengkel Ini, Dapat Menyemarakkan Seni Persembahan Tradisional Di Kalangan Anak Muda Dan Mengenali Seni Mak Yong Dengan Lebih Mendalam.
3.	Bengkel Tarian Mengadap Balai	19 – 21 September 2016	Ahli Kelab Le'Waris	UMK Meraih Naib Johan Dari 8 Kumpulan Yang Bertanding Di Seluruh Negara.

4.	Puisi Tari Peringkat Negeri Kelantan Piala Jastera	17 Oktober 2016	Ahli Kelab Le'Waris	Kumpulan Teater Le'Waris Merupakan Johan Pertandingan Dan Mempertahankan Piala Pusingan Bagi Tahun 2016.
5.	Festival Dikir Barat Makum Piala Dato' Seri Mustapha Mohamed	29 April – 1 Mei 2016	11 Kumpulan Dari Seluruh UA	Program Ini Diadakan Di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Kumpulan Dikir Barat Sri Kayangan Sukma Mendapat Hadiah Saguhati Dari 11 Kumpulan Yang Bertanding.
6.	Festival Zapin Johor Makum 2016	21 – 25 April 2016	12 Kumpulan Dari Seluruh UA	Memberi Peluang Kepada Pelajar UMK Untuk Mempelajari Tarian Zapin Serta Memupuk Ciri-Ciri Keusahawanan Kerana Pelajar Perlu Mencari Dana Sendiri Untuk Menyertai Pertandingan Ini.
7.	Malay Language And Cultural Engagement (MaLCE) 2016	29 Februari – 6 Mac 2016	15 Orang Pelajar	Program Ini Merupakan Anjuran Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah Dengan Kerjasama Bahagian Kebudayaan, Pusat Ko - Kurikulum. Pada Tahun 2016, Pelajar Dari Jepun Turut Berpeluang Untuk Mempelajari Dan Menghayati Budaya Negeri Kelantan Melalui Persembahan Kebudayaan.
8.	Minggu Fiesta Batik Malaysia 2016	14 – 20 September 2016	50 Orang Pelajar	Bahagian Kebudayaan Dilantik Untuk Menjadi Ahli Jawatankuasa Persembahan Serta Terlibat Secara Langsung Di Dalam Majlis Perasmian, Majlis Penutup Dan Pengisian Slot-Slot Persembahan Setiap Malam Sepanjang Berlangsungnya Program Ini.
9.	Malam Puisi Satu Perjalanan R.Hamkama	1 Disember 2016	8 Orang Pelajar	Program Ini Diadakan Dengan Kerjasama Persatuan Budayawan Negeri Kelantan (Pesisir).
10.	Yala Rajabhat University Academic Fair 2016	15 – 17 Ogos 2016	6 Orang Pelajar	Mempromosikan UMK Sebagai Sebuah Universiti Yang Mengamalkan 'Culture Entrepreneur'. Ini Merupakan Tahun Kedua Penglibatan UMK Di Dalam Program Ini.

#### Teras Sukan

1.	Led Night Run	14/04/16	1200 Orang Pelajar	Program Larian Yang Memberi Impak Yang Besar Kepada UMK Dengan Penyertaan Daripada Pelajar UMK ,UiTM , USM Dan Politeknik
2.	Snow Run 2016	24/9/2016	1000 Orang Pelajar	Program Ini Melatih Pelajar Mengendalikan Aktiviti Berbentuk Sukan.

3.	Sukan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SuKIPT) Fasa 1, 2016	25 Januari - 05 Februari 2016	85 Orang Pelajar	Program Ini Diadakan Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Mahasiswa UMK Berjaya Mencapai 1 Pingat Perak Dan 3 Pingat Gangsa.
4.	Kejohanan Petanque Double Terbuka UA/ IPTS Kelantan 2016	11 - 12 Mac 2016	100 Orang Pelajar	Program Ini Dilaksanakan Oleh Unit Belia Dan Sukan, UMK Kampus Jeli Dan Persatuan Petanque Kelantan. Mahasiswa UMK Telah Memenangi Pingat Emas Bagi Kategori Lelaki Terbuka.
5.	Kejuaraan Pencak Silat UPSI & Jemputan Antarabangsa Ke-7 2016	30 Mac - 3 April 2016	24 Orang Pelajar	Program Ini Merupakan Kerjasama Badan Gabungan Pesaka Malaysia, Pesaka Negeri, Pesaka Daerah, Pertubuhan Silat Yang Sah Berdaftar Dengan PPS & Ros, Badan Gabungan Persilat, Universiti Awan/IPTA/IPTS/Kolej Dan Pasukan Jemputan. UMK Telah Memenangi 1 Pingat Perak Dalam Silat Olahraga Putera, 1 Pingat Perak Dan Dua (2) Pingat Gangsa Dalam Silat Olahraga Puteri Dan 1 Pingat Gangsa Dalam Kumpulan Regu Putera.
6.	Sirkuit 2 Kejohanan Skuasy IPT 2016 Zon Timur	04 - 08 Mei 2016	7 Orang Pelajar	KPT Dengan Kerjasama UM Selaku Pusat Sukan Tumpuan (PST) Skuasy UM, KI, Pelajar UMK Telah Memenangi Pingat Emas - Individu Wanita Divisyen 3
7.	Kejohanan Ping Pong Berpasukan Piala TNC Hepa UMK Kali Ke - 2, 2016	28 Mei 2016	84 Orang Pelajar	Program Ini Merupakan Kerjasama Antara Bahagian Sukan, Pusat Ko-Kurikulum Dengan Kerjasama Pro Table Tennis UMK
8.	Karnival Sukan Masum Fasa 1, 2016	20 - 27 Ogos 2016	56 Orang Pelajar	Masum Dengan Kerjasama Bahagian Sukan, KPT Dan UNiSZA
9.	Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Ke-7 2016	25 - 30 Sep 2016	8 Orang Pelajar	Program Ini Dilaksanakan Oleh Pihak KPT Dengan Kerjasama UTHM, Dan PESAKA
10.	Kejohanan Skuasy IPT 1malaysia Sirkuit 3 2016 Zon Selatan	29 Sep - 02 Okt 2016	7 Orang Pelajar	Program Ini Dilaksanakan Oleh Pihak KPT Dengan Kerjasama UM Selaku Pst Skuasy UM
11.	Colour Run Hari Sukan Negara 2016 Peringkat Negeri Kelantan	08 Okt 2016	720 Orang Pelajar	Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Kelantan
12.	Larian Bulan Bahasa Kebangsaan 2016 Peringkat Negeri Kelantan	17 Okt 2016	80 Orang Pelajar	Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur
13.	Kejohanan Badminton Ipt 2016 Peringkat Grand Final	11-14 Dis 2016	3 Orang Pelajar	KPT Dengan Kerjasama UM
14.	Kejohanan Skuasy IPT 1malaysia 2016 Peringkat Grand Final	14 - 17 Dis 2016	6 Orang Pelajar	SRAM, YR1M Dengan Kerjasama UM
15.	Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2016	7 -13 Nov 2016	60 Orang Pelajar	MASUM Dengan Kerjasama Bahagian Sukan, KPT Dan UNIMAP

## PUSAT KO-KURIKULUM BAHAGIAN SUKAN

Bil	Perkara	Tarikh	Pencapaian / Keputusan				
			Acara	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1	Sukan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SUKIPT) Fasa 1, 2016	25 Januari - 05 Februari 2016	Acara	Emas	Perak	Gangsa	4
			Lawan Bowls			2	
			Pencak Silat			1	
			Karate-do		1		
2	Kejohanan Petanque Double Terbuka UA/ IPTS Kelantan 2016	11 – 12 Mac 2016	Acara	Emas	Perak	Gangsa	Keempat
			Lelaki Terbuka	UMK	SMK Sultan Ibrahim	SMK Kadok	Politeknik KB
			Wanita Terbuka	KPTM A	KPTM B	KPTM D	SMK Pasir Mas
3	Kejuaraan Pencak Silat UPSI & Jemputan Antarabangsa Ke-7 2016	30 Mac -3 April 2016	Acara	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
			Silat Olahraga Putera		1		5
			Silat Olahraga Puteri		1	2	
			Regu Putera			1	
4	Sirkuit 2 Kejohanan Skuasy IPT 2016 Zon Timur	04 - 08 Mei 2016	Pingat Emas - Individu Wanita Divisyen 3				
5	Majlis Anugerah Sukan MASUM 2015 di UUM, Sintok, Kedah	26 Mei 2016	Penerima Anugerah Atlet Terbaik Universiti Lelaki – Kalaikumar A/L Vijayakumar  Penerima Anugerah Atlet Terbaik Universiti Wanita – Nur Najwa Najat Binti Mohamed Azman				
6	Kejohanan Ping Pong Berpasukan Piala TNC HEPA UMK Kali Ke – 2, 2016	28 Mei 2016	Acara	Emas	Perak	Gangsa	Keempat
			Berpasukan	UMK 4	LIMBAT LOOP	Remaja Bawah 15	UMK 1
7	Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2016	20 - 27 Ogos 2016	Acara	Emas	Perak	Ketiga	Jumlah
			Taekwondo		1	1	2
			Boling Padang	Tempat ke 4			
			Ragbi	Peringkat Kumpulan			
			Catur	Ranking 11			
Ranking UMK				17/20			
8	Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Ke-7 2016	25 - 30 Sep 2016	Acara	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
			Silat Olahraga Putri B		1		3
			Silat Olahraga Putri E			1	
			Silat Olahraga Putra B			1	
9	Kejohanan Skuasy IPT 1Malaysia Sirkuit 3 2016 Zon Selatan	29 Sep - 02 Okt 2016	Pingat Emas dan Perak - Individu Wanita Divisyen 3				

12	Kejohanan Badminton IPT 2016 Peringkat Grand Final	11-14 Dis 2016	Bergu Wanita - Tempat Ke - 6 Keseluruhan dan Tempat Ketiga Loser Pool				
13	Kejohanan Skuasy IPT 1Malaysia 2016 Peringkat Grand Final	14 - 17 Dis 2016	Gangsa Divisyen 2 Wanita - Joanne Santhia a/p Divid				
			Emas Divisyen 3 Wanita - Tan Phooi Yee				
			Perak Divisyen 3 Wanita - Chia Hui Yee				
14	Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2016	7 -13 Nov 2016	<b>Acara</b>	<b>Emas</b>	<b>Perak</b>	<b>Ketiga</b>	<b>Jumlah</b>
			Karate-do	1		1	2
15	Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) 42, 2016	6 - 13 Ogos 2016	<b>Acara</b>	<b>Emas</b>	<b>Perak</b>	<b>Ketiga</b>	<b>Jumlah</b>
			Bola Sepak Senior	1			2
			Boling Padang (L&W)			1	

## BAHAGIAN KEBUDAYAAN

Bil	Aktiviti	Anjuran	Tarikh	Pencapaian
1	Bengkel Rebana Kercing MAKUM 2016	UMK dengan kerjasama MAKUM	19 - 22 Mei 2016	Sebanyak 4 Universiti Awam (UA) dan 3 buah sekolah di sekitar negeri Kelantan terlibat di dalam bengkel ini.  Bengkel ini rentetan kejayaan UMK dalam Festival Tari Malaysia (FTM) 2015 bagi Kategori Tarian Tradisonal Daerah.
2	Bengkel Penghayatan Seni Persembahan Mak Yong	Sekolah Menengah Beris Panchor, Bachok	18 April 2016	Seramai 300 orang pelajar (Tingkatan 3) terlibat di dalam bengkel ini.
3	Festival Teater Remaja Sempena Minggu Dan Hari Belia Negara 2016	Majlis Belia Kebangsaan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).	09 - 14 Mei 2016	UMK meraih Naib Johan dari 8 Kumpulan yang bertanding.
4	Puisi Tari Peringkat Negeri Kelantan Piala Jastera		17 Oktober 2016	Kumpulan Teater Le' Waris UMK berjaya menangi Johan dengan merangkul 8 kategori anugerah serta mempertahankan Piala Pusingan bagi tahun 2016.

5	Penerima Majlis Anugerah Citra HEP (MACHEP)	PHEP UMK	29 November 2016	Sebanyak 44 anugerah kebudayaan diberikan kepada pelajar dari ketiga - tiga kampus. Antara kejayaan yang paling tinggi diraih adalah Naib Johan Festival Tari Peringkat Kebangsaan. Penerima anugerah utama iaitu Anugerah Citra Seni, Nor Hafizah Binti Mohd Jalin, pelajar dari Fakulti Keusahawanan membawa beliau sehingga berjaya menjadi peserta nyanyian program realiti tv iaitu program '3 Juara'
6	Penerima Anugerah Majlis Konvokesyen Kali - V	UMK		Nor Hafizah Binti Mohd Jalin menerima Anugerah Khas Naib Canselor pada Majlis Konvokesyen UMK 2016
7	Bengkel Peningkatan Keyakinan Komunikasi Awam Pegawai Tadbir Negeri (PTN) melalui Seni Persembahan UMK - SUK			Menerusi program ini, pegawai Tadbir Negeri diberi pendedahan tentang teknik berkomunikasi yang berkesan serta dapat meningkatkan keyakinan diri dengan aktiviti seni budaya. Impak kepada universiti pula adalah kita dapat berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang kebudayaan serta dapat mempromosikan UMK sebagai pusat rujukan berkaitan kesenian dan kebudayaan.

## PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Kelantan telah menyediakan perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Baharu Sesi 2016/ 2017. Perkhidmatan ini mula disediakan pada tahun 2016 (Oktober- November) bagi memudahkan para pelajar baharu untuk sesi pendaftaran di UMK. Melalui perkhidmatan ini turut dapat membantu universiti dalam penjanaaan pendapatan bagi menampung keperluan kewangan dalam menyediakan khidmat kesihatan yang lebih baik kepada warga universiti secara amnya dan pelajar khususnya.

Bagi tahun 2017, Pusat Kesihatan UMK berhasrat untuk memperbanyakkan aktiviti-aktiviti pembelajaran pendidikan berterusan serta kempen-kempen kesihatan kepada warga Universiti Malaysia Kelantan.

## KEBAJIKAN PELAJAR

Dalam menjaga kebajikan pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar telah menyediakan beberapa perkhidmatan bagi membantu mahasiswa dan mahasiswi yang memerlukan sokongan dalam bentuk kewangan. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah sebagaimana berikut:-



**SKIM PELAJAR BERKERJA :**  
34 ORANG SESI AKADEMIK 2015/2016



**ZAKAT**  
608 ORANG



**SKIM TABUNG KEMATIAN PELAJAR / IBUBAPA/ ISTERI/ SUAMI/ ANAK:**  
RM 1,100.00



**SUMBANGAN BENCANA:**  
RM 1,000 .00




**BAYARAN BIL HOSPITAL/CAJ RAWATAN:**  
RM 34990.45



**INSURAN KEMALANGAN/ KEMATIAN PELAJAR:**  
RM 11, 045.00

## SUMBANGAN ZAKAT KEPADA PELAJAR

Jumlah sumbangan zakat yang diberikan oleh pihak NGO pada tahun 2016 merupakan jumlah sumbangan tertinggi sepanjang penubuhan UMK.



Berikut merupakan senarai NGO dan agensi yang telah memberi sumbangan zakat berserta jumlah penerima zakat untuk tahun 2016.

Bil	Perkara	Pencapaian	Ringkasan /Catatan
1.	Yayasan Noor Al Syakur (YANAS)	RM 10,000.00	Seramai 25 Orang Penerima Telah Diberikan Sumbangan Zakat Sebanyak RM 400.00 Seorang
2.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	RM 40,000.00	Seramai 133 Orang Penerima Telah Diberikan Sumbangan Zakat Sebanyak RM 300.00 Seorang
3.	Etika Takaful Berhad	RM 120,000.00	Seramai 400 Orang Penerima Telah Diberikan Sumbangan Zakat Sebanyak RM 300.00 Seorang
4.	Maybank Islamic Berhad (MIB)	RM 15,000.00	Seramai 50 Orang Penerima Telah Diberikan Sumbangan Zakat Sebanyak RM 300.00 Seorang
<b>Jumlah Sumbangan</b>		<b>RM 185,000.00</b>	
<b>Jumlah Penerima Zakat</b>		<b>608 Orang Pelajar</b>	

Bahagian Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni akan sentiasa meningkatkan usaha yang berterusan untuk memperbanyakkan lagi sumbangan daripada pihak NGO. Hal ini adalah kerana berdasar trend semasa, ramai pelajar yang mendaftar di UMK memerlukan bantuan kewangan bagi menampung yuran pengajian dan kos sara diri.

## PELUANG KERJAYA

UMK dengan kerjasama Australia Institute Management (AIM) Fasa 1 dan Britay Asia (M) Bhd. Fasa 2 telah menyediakan program Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) bermula tahun 2016. Program ini diadakan sebagai persediaan pekerjaan selepas tamat pengajian dan telah membantu seramai 68 orang graduan UMK.

Bil	Perkara	Anjuran	Tarikh	Ringkasan /Catatan
1	Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M), Australia Institute Management (AIM)	BKKA & Australia Institute Management (AIM)	24/4 - 5/5 2016	22 orang Alumni UMK daripada 79 orang graduan pelbagai Universiti Awam dan Swasta telah menyertai kursus persediaan pekerjaan. Penempatan On Job Training disediakan selama 6 bulan dengan elaun RM 1500 sebulan.
2	Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M), Britay Asia (M) Bhd.	BKKA & Britay Asia (M) Bhd	13 - 14 /7/2016	46 orang Alumni UMK daripada 187 graduan pelbagai Universiti Awam dan Swasta telah menyertai sesi temuduga terbuka ini dan mendapat penempatan On Job Training dengan elaun RM1,500 sebulan selama 6 bulan.

Bahagian Kaunseling, Kerjaya & Alumni dan Jawatankuasa NLP juga diberikan kepercayaan untuk mengendalikan program Pengenalan Software for Brain (S4B) kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Bahagian Bachok pada 24 Disember 2016. Seramai 72 orang peserta JKKK Bahagian Bachok terlibat. Program ini bertujuan memberi pendedahan asas tentang Firdaus 2015 selaras dengan Tranformasi Negara 2050.

# PEMBANGUNAN INFOSTRUKTUR & INFRASTRUKTUR

## PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN DAN PENGURUSAN ILMU UNIVERSITI

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI) secara sedar menitikberatkan keperluan pembangunan dan kepelbagaian bentuk koleksi bahan rujukan bagi memastikan kualiti graduan dan penyelidikan yang menjadi fungsi utama universiti diwujudkan adalah ditahap yang terbaik. PPI amat komited di dalam membantu dan memberikan perkhidmatan dan kandungan bahan rujukan pembelajaran yang berkualiti dan terkini serta mudah diakses pada setiap masa dan dimana sahaja. Perolehan bahan rujukan dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dan sehingga Disember 2016 jumlah perolehan koleksi bahan rujukan di perpustakaan adalah seperti berikut.

Bahan Rujukan	2015	2016
Buku	139,879	150,481
Pangkalan Data Atas Talian	32	33
Bahan Bersiri	324	115

Jumlah Perolehan Koleksi Bahan Rujukan

Pangkalan Data	2015	2016
Repositori Universiti	3,400	4,355
EPAMS	1,597	879
IKNOW	4,334	870

Statistik Akses Pangkalan Data Atas Talian In-House

Pangkalan Data	2015	2016
Capaian	266,908	339,704

Statistik Capaian Pangkalan Data Atas Talian Yang Dilanggan

PPI juga menyediakan satu platform yang terbaik dalam menyediakan maklumat dan bahan rujukan kepada pengguna dalam pelbagai sumber media seperti portal perpustakaan yang lebih efektif dan mesra pengguna serta Sistem Pengurusan Perpustakaan yang efisien dalam memberi perkhidmatan sirkulasi kepada pengguna. Bagi tahun 2016 seramai 2,230 pelajar baru yang mendaftar sebagai pelajar UMK telah mengikuti Kelas Pendidikan Pengguna secara berkala yang telah ditetapkan di kampus masing-masing.

Lokasi	Sesi	Pelajar
Kampus Jeli	25	500
Kampus Kota	65	1300
Kampus Bachok	15	430
<b>Jumlah</b>	<b>105</b>	<b>2,230</b>

Jumlah Pelajar dan Sesi Kelas Pendidikan Pengguna

## PENGURUSAN ILMU

PPI di bawah Unit Pengurusan Ilmu berfungsi untuk mengumpul dan menyimpan aset ilmu staf UMK supaya tidak hilang dan dapat digunakan pada masa hadapan sebagai rujukan dan pembelajaran bagi warga UMK yang memerlukan. Langkah pertama yang dilakukan ialah melalui 30 orang Professor yang terdapat di UMK. Kaedah tersebut telah mengenalpasti sebanyak 1,190 Aset Ilmu yang terdapat di UMK.

Jenis Aset	Jumlah	Ulasan
Softcopy	390	Telah sedia ada
Listing	800	Masih dalam proses
<b>Jumlah</b>	<b>1,190</b>	

Jumlah Aset Ilmu UMK

## ARKIB UMK

Pencapaian 2016 telah meningkat berbanding 2015 kerana wujudnya kesedaran dikalangan warga UMK akan kepentingan pengurusan rekod di dalam sistem tadbir urus. Garis Panduan Pengurusan Fail yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) kini menjadi asas bagi memastikan pengurusan rekod dan fail di UMK lebih mudah dan terjamin kerahsiaan serta keselamatannya. Dengan pencapaian penarafan tiga (3) Bintang di tangga ke tujuh (7) di peringkat 20 Universiti Awam di dalam Pengauditan Pengurusan Rekod dan Arkib yang dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia adalah bukti kesungguhan dan keperihatinan UMK ke arah Pengurusan Rekod yang lebih baik dan efisien.

Perkara	2014	2015	2016
Pemindahan Rekod	1,127	938	1,427

Statistik Pemindahan Rekod

## PENERBITAN ILMIAH

Hasil pelaksanaan beberapa siri bengkel telah mencipta beberapa kejayaan antaranya ialah menerbitkan 28 buah tajuk buku ilmiah yang terdiri daripada 12 buah tajuk buku hasil daripada penyelidikan dan 16 buah tajuk buku ilmiah. Penerbit UMK dan MAPIM telah bekerjasama dengan Perbadanan Kota Buku dalam hal berkaitan Dagangan Hakcipta dan Ebook Conversion. Kerjasama ini melibatkan khidmat pembangunan buku digital dan kerjasama pemasaran buku ilmiah di pameran dan pesta buku antarabangsa. Hasilnya tiga buah buku terbitan Penerbit UMK dalam proses suntingan dan akan dimasukkan dalam portal book yang dikelolakan oleh PKB dan eSentral. Tiga buah buku tersebut ialah Wacana Falsafah Ilmu, Usahawan Lestari Strategi Perniagaan berasaskan Kayu dan Perabot Kelantan serta Keusahawanan Islam.

## PENERBITAN KORPORAT UNIVERSITI

Pada tahun 2016, Bahagian Penerbitan Korporat telah mencapai beberapa kejayaan terutamanya penerbitan buku laporan tahunan universiti kerana buat julung kalinya pada tahun 2016 Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK) dan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Universiti Malaysia Kelantan telah berjaya dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Parlimen mengikut norma waktu yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Sekaligus membuktikan bahawa Strategi Perancangan Penerbitan Korporat pada tahun 2016 telah berjaya dan memberikan impak besar kepada penerbitan universiti. Selain itu juga, pihat Penerbitan Korporat telah berjaya menghasilkan buku Coffee Table Book Dasawarsa UMK bersama YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bersempena sambutan sepuluh tahun penubuhan UMK.

Tahun 2016 juga merupakan tahun kesepuluh penubuhan UMK semenjak universiti diperbadankan pada 1 September 2006. Simbolik dengan dasawarsa UMK ini, satu logo telah direka khusus bersempena sambutan sepuluh tahun UMK 2006 – 2016 dimana logo ini akan digunapakai dalam semua program dan aktiviti rasmi universiti termasuk perkara yang melibatkan aktiviti penerbitan mahupun percetakan.



Bil	Penerbitan	Bilangan	Pencapaian
1.	Nota Jemaah Menteri UMK 2015	1	Berjaya dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Parlimen mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian (Tersenarai dalam kelompok UA yang terawal) dan UA pertama berjaya dinilai oleh pihak ICU JPM
2.	Bengkel LTPK UMK 2015	1	
3.	Memorandum Jemaah Menteri UMK 2015	1	
4.	Buku Laporan Tahunan UMK 2015	1	Berjaya mengawal perbelanjaan penerbitan dan percetakan daripada RM 95,000.00 kepada hanya RM 22,000.00 dengan kuantiti percetakan yang lebih besar dan kualiti terbaik. Perjimatan sebanyak 76.8 peratus.
5.	Buku Konvokesyen UMK kali ke 6	1	
6.	Buku Warta Universiti (Senarai Graduan Konvokesyen)	1	Buku Rujukan Sejarah Penubuhan UMK bermula 2006 - 2016
7.	Buku Coffetable Book Dasawarsa UMK	1	
8.	Kalendar Rasmi UMK 2017	1	Telah berjaya diterbitkan awal dengan kualiti pencetakan yang bermutu.
9.	Diari Rasmi UMK 2017	1	
10.	Buletin Rasmi UMK (TERAJU)	2	Konsep penyampaian yang lebih berbeza dan berinformatif
11.	Logo Sepuluh Tahun UMK 2006 -2016	1	Bersempena sambutan sepuluh tahun UMK 2006 - 2016
12.	Buku Pelan Strategik Kewangan UMK	1	versi <i>Softcopy</i>
<b>Jumlah Penerbitan</b>			<b>13</b>

Senarai penerbitan Korporat sepanjang tahun 2016

# PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & INFORMATIF

Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah mencapai matlamat yang disasarkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan operasi dan servis yang disediakan di UMK, penstrukturan dan penjenamaan semula PTM telah dilakukan pada Jun 2016. Penukaran nama PTJ kepada Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) memberi impak besar dan lebih berfokus kepada perkembangan ICT universiti terutamanya dalam bidang IT Servis, IT Sokongan, Pembangunan Aplikasi dan Pengurusan Data. Penukaran ini dilakukan bagi memberi sokongan sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti universiti yang dilakukan oleh pelajar dan kakitangan.

## PROJEK PEMBANGUNAN APLIKASI PROJEK RINTIS iCGPA (ICGPA DALAM SISTEM MAKLUMAT PELAJAR)

UMK ialah merupakan salah satu daripada lima (5) Universiti Awam (UA) yang terpilih sebagai Projek Rintis iCGPA bermula kemasukan September Sesi 2015/2016. Projek rintis ini dimulakan dengan program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) di Fakulti Sains Bumi (FSB) dengan 37 orang pelajar. Pihak PPP telah mengadakan latihan pertama kepada pensyarah di FSB untuk pelaksanaan Projek Rintis iCGPA pada 26-28 Ogos 2016 untuk dua (2) semester pertama. Pihak fakulti telah dapat menghasilkan spider web bagi melihat keberkesanan pelaksanaan iCGPA pelajar yang terlibat.

Sistem iCGPA yang telah dibangunkan ini telah berjaya mendapat pingat Emas di dalam pertandingan Invention, Innovation & Design On e-Learning (IIDEEL) di International University Carnival On e-Learning (IUCEL) 2016 yang berlangsung pada 20 dan 21 September 2016 dan bertempat di Dewan Sri Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

## SISTEM SEWAAN KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA.

Sistem sewaan komputer meja dan riba (KOMAGI) adalah sebuah sistem pengurusan komputer yang dibangunkan sepenuhnya oleh pihak teknologi maklumat. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan tadbir urus untuk melakukan pembahagian komputer dan laptop kepada kakitangan UMK. Ia juga bertujuan untuk mengawal pinjaman komputer oleh kakitangan supaya pembahagian komputer dilakukan dengan lebih adil. Selain itu, sistem ini berupaya untuk mengesan peralatan komputer yang hilang agar proses tuntutan oleh pihak pembekal dapat dilaksanakan. Proses komunikasi antara pihak pembekal dan pihak CCI dapat dimampangkan lagi dengan kehadiran sistem ini. Proses penerimaan, penyerahan dan proses pengembalian peralatan komputer dapat dilakukan dengan lebih mudah dan terurus

